



Hujung Minggu

پروڈنی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 5.07 | SUBUH 5.17 | SYURUK 6.36 | DUHA 6.59 | ZUHUR 12.35 | ASAR 3.56 | MAGHRIB 6.33 | ISYAK 7.44

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 70 BILANGAN 17

8 FEBRUARI 2025 / 1446 شعبان 9

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

مانیسش ایمان

"Ia menyuruh yang baik dan melarang mereka daripada melakukan perkara-perkara yang keji dan ia menghalalkan bagi mereka segala benda yang baik dan mengharamkan kepada mereka segala benda yang buruk".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al A'raaf, ayat 157.

MEMPERKUKUH PERKONGSIAN, MEMPERTAHANKAN SISTEM PERDAGANGAN PELBAGAI HALA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersalaman mesra bersama Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Xi Jinping semasa keberangkatan baginda ke Majlis Sambutan Rasmi. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor (Lihat Muka 7)

Berangkat ke Welcoming Banquet dan Majlis Pembukaan Asian Winter Games Ke-9

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

HARBIN, REPUBLIK RAKYAT CHINA, Jumaat, 7 Februari. – Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi

Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berkenan berangkat menghadiri Welcoming Banquet dan Majlis Pembukaan Asian Winter Games Ke-9. Berangkat mengiringi Kebawah Duli

Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Abdul Mateen.

>> Muka 3

Pelancaran semula penerbangan RB ke Balikpapan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

JERUDONG, Jumaat, 7 Februari. - Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RB) melancarkan semula perkhidmatan penerbangannya ke Balikpapan, Indonesia.

RB menjadualkan semula penerbangan ke Balikpapan dengan dua kali seminggu, iaitu pada Rabu dan Sabtu, menggunakan pesawat Airbus A320neo. RB mula terbang ke Balikpapan pada 9 Disember 1994 akan tetapi operasi dihentikan pada 15 Februari 2001.

Hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pelancaran Semula Penerbangan ke Balikpapan yang berlangsung di Dewan Berkshire, Jerudong itu ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, selaku Penggerusi RB dan Lembaga Pengarah RB.

Turut hadir, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Prof. Dr. Achmad Ubaedillah, serta wakil daripada komuniti perniagaan dan diplomatik

NBD.

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif RB, Kapten Sabirin bin Haji Abdul Hamid dalam ucapannya menjelaskan bermula pada 19 Februari 2025, RB telah mengumumkan penyambungan semula penerbangannya ke Balikpapan dan penerbangan berjadual dua kali seminggu berkenaan akan menggunakan Airbus A320neo akan bermula pada 19 Februari 2025.

>> Muka 13

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN

f Pelita Brunei @ pelitabrunei X pelitabrunei

Berita Utama



BAHASA Arab terus diperkasa

Muka 16



KEISTIMEWAAN ibadah
sembahyang perlu dijaga,
dipelihara

Muka 20



UBD-Aman Hills Cineleisure
tandatangani
Perjanjian Pelesenan

Muka 24

**MENGHAFAZ AL-QURAN JADI
LEBIH RINGKAS DAN MUDAH**

RENCANA

GENQU Academy : Membuka pintu
hafazan Al-Quran untuk semua

Muka 28

BERANGKAT MENINGGALKAN HARBIN, REPUBLIK RAKYAT CHINA



Siaran Akbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Hernie Suliana Haji Othman

HARBIN, REPUBLIK RAKYAT CHINA, Jumaat, 7 Februari. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat bertolak dari Harbin, Republik Rakyat China selepas menghadiri Majlis Pembukaan Asian Winter Games Ke-9.

Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, berangkat bertolak dari Harbin, Republik Rakyat China selepas menghadiri Majlis Pembukaan Asian Winter Games Ke-9. Berangkat mengiringi

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Sebelum berangkat balik, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka



KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASNAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAI'R WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BERANGKAT BERTOLAK DARI HARBIN, REPUBLIK RAKYAT CHINA SELEPAS MENGHADIRI MAJLIS PEMBUKAAN ASIAN WINTER GAMES KE-9. TURUT BERANGKAT MENGIRINGI KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM IALAH PADUKA ANAKANDA BAGINDA (KIRI DAN ATAS).

Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

HADIR DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA HARBIN TAIPING BAGI MENYEMBARKAN SELAMAT BERANGKAT KEHADAPAN MAJLIS KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA IALAH CHAIRMAN OF THE HEILONGJIANG PROVINCIAL COMMITTEE OF THE CHINESE PEOPLE'S POLITICAL CONSULTATIVE CONFERENCE, LAN SHAOMIN; DUTA

BESAR ISTIMEWA DAN MUTLAK REPUBLIK RAKYAT CHINA KE NEGARA BRUNEI DARUSSALAM (NBD), TUAN YANG TERUTAMA XIAO JIANGUO; DAN DUTA BESAR ISTIMEWA DAN MUTLAK NBD KE REPUBLIK RAKYAT CHINA, TYT PEHIN ORANG KAYA SERI PAHLAWAN KOLONEL (B) DATO PADUKA HAJI ABDU'R RAHMANI BIN DATO PADUKA HAJI BASIR.

WAKTU SEMBAHYANG

FEBRUARI MASIHI	HARI	SYAABAN HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
8	SABTU	9	5.07	5.17	6.36	6.59	12.35	3.56	6.33	7.44
9	AHAD	10	5.07	5.17	6.36	6.59	12.35	3.56	6.33	7.44
10	ISNIN	11	5.07	5.17	6.36	6.59	12.36	3.56	6.33	7.44
11	SELASA	12	5.07	5.17	6.36	6.59	12.36	3.55	6.33	7.44
12	RABU	13	5.07	5.17	6.36	6.59	12.36	3.55	6.33	7.44
13	KHAMIS	14	5.07	5.17	6.36	6.59	12.36	3.55	6.33	7.44
14	JUMAAT	15	5.07	5.17	6.36	6.58	12.35	3.55	6.33	7.44

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

SABTU	AHAD	ISNIN
Bandar Seri Begawan		
30 °C	32 °C	31 °C
24 °C	24 °C	24 °C
Pekan Bangar		
30 °C	32 °C	32 °C
24 °C	24 °C	24 °C
Pekan Tutong		
30 °C	31 °C	31 °C
24 °C	24 °C	24 °C
Kuala Belait		
30 °C	31 °C	32 °C
24 °C	24 °C	24 °C
WallahuAlam Bissawab	www.met.gov.bn	
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi		

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | ☎ 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دَتْبَيْتَكَنْ اُولَهْ جَابِنْ قَرَاغْنَ، جَابِنْ فَرَادَنْ مَنْتَرِي دَانْ دَچِيتَقْ اُولَهْ قَرِينَتْ قَلْسْ سَنْدِيرِينْ بَرَحَدْ، نَكَارَابُونِي دَارَالسَّلَامْ

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

SIDANG PENGARANG

8 FEBRUARI 2025

Memuliakan anak yatim adalah amalan para nabi

SLAM mengajar kita untuk berbuat baik diantara satu sama lain dan membantu orang-orang susah dan memerlukan dan ini adalah termasuk berbuat baik kepada golongan anak yatim. Dalam Surah Al-Baqarah ayat 83, Allah Subhanahu Wata'alaa berfirman, "Dan berbuat baiklah kamu kepada kedua ibu bapa, kaum kerabat dan anak-anak yatim serta orang-orang miskin." Dari ayat tersebut dapat di lihat bahawa agama kita mengajar kita untuk mengambil berat tentang hal ehwal anak-anak yatim dari segi penjagaan mereka, pengendalian harta mereka bahkan dari semua aspek. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab kita semua sebagai orang Islam untuk mengambil berat dan sama-sama memeduli anak-anak yatim. Dengan mengambil berat dan memeduli anak yatim setentunya kita akan dapat meraih ganjaran yang besar dari Allah Subhanahu Wata'alaa.

Sepertimana Islam mengajar kita untuk memuliakan anak yatim, Islam juga melarang keras perbuatan zalim terhadap anak yatim seperti yang dinyatakan dalam Surah Al-Maun, ayat 1-3: Tafsirnya : "Tahukah engkau orang yang mendustakan agama? Maka ia itulah orang yang berlaku zalim kepada anak yatim. Dan dia tidak menggalakkan memberi makan orang miskin". Berhubung dengan memuliakan anak yatim, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ialah contoh terbaik. Menurut hadis Riwayat al-Tirmizi Daripada Sahl bin Sa'ad Radiallahuanhu, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Maksudnya : "Aku dan orang yang menjaga anak yatim seperti ini di dalam syurga. Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam mengisyaratkan dengan merapatkan dua jari Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam iaitu jari telunjuk dan jari tengah".

Memuliakan anak yatim adalah perbuatan sangat mulia dan oleh kerana ia merupakan amalan para nabi dan rasul, ada baiknya kita mencontohi perbuatan ini untuk meraih rahmat dan berkat daripada Allah Subhanahu Wata'alaa. Berbuat baik kepada anak yatim dapat mengajarkan kita untuk bersikap kasih sayang, adil, dan bertanggung jawab. Selain itu, berbuat baik kepada anak yatim juga dapat memberikan banyak manfaat bagi anak yatim dan bagi diri sendiri. Adalah sangat dituntut bagi kita untuk sentiasa membuat kebaikan kepada anak-anak yatim sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'alaa dalam Surah Al-Baqarah, ayat 220 : Tafsirnya : "Dan mereka bertanya lagi kepadamu (wahai Nabi Muhammad) mengenai anak-anak yatim. Katakanlah (kepada mereka) : "Memperbaiki keadaan mereka amatlah baik". - Ketua Penyuntingan (Nr)

BERANGKAT KE WELCOMING BANQUET DAN MAJLIS PEMBUKAAN ASIAN WINTER GAMES KE-9

>> Muka 1

Kebawah Duli Yang Maha Mulia mula-mula berangkat menghadiri Majlis Santap Welcoming Banquet yang berlangsung di Taiyangdao Hotel, Harbin, Heilongjiang Province, Republik Rakyat China.

Keberangkatan tiba baginda dialu-alukan oleh Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Xi Jinping, dan isteri.

Tuan Yang Terutama Presiden Republik Rakyat China menghoskan Welcoming Banquet berkenaan adalah bagi mengalu-alukan kehadiran para pemimpin dan tetamu khas yang berada di Harbin untuk menghadiri Majlis Pembukaan Asian Winter Games Ke-9.

Pada sebelah malam, Kebawah DYMM berangkat menghadiri Majlis Pembukaan Asian Winter Games Ke-9, yang berlangsung di Harbin International Conference and Exhibition and Sports Centre.

Keberangkatan tiba Kebawah DYMM bersama tetamu-tetamu luar negara dialu-alukan oleh TYT Presiden Republik Rakyat China dan isteri.

Antara tetamu luar negara yang hadir pada Majlis



KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASNAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BERKENAN BERANGKAT MENGHADIRI MAJLIS SANTAP WELCOMING BANQUET YANG BERLANGSUNG DI TAIYANGDAO HOTEL, HARBIN (ATAS DAN BAWAH KIRI). MANAKALA GAMBAR BAWAH KANAN, KEBERANGKATAN TIBA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DIALU-ALUKAN OLEH PRESIDEN REPUBLIK RAKYAT CHINA, TUAN YANG TERUTAMA XI JINPING.

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Hernie Suliana Haji Othman

Pembukaan ini ialah Presiden Republik Islam Pakistan, TYT Asif Ali Zardari; Presiden Republik Kyrgyz, TYT Sadyr Zhaparov; dan Perdana Menteri Thailand, Puan Yang Terutama

Paetongtarn Shinawatra; dan National Assembly Speaker of the Republic of Korea, TYT Woo Won-shik.

Majlis Pembukaan Asian Winter Games Ke-9 dirasmikan

oleh TYT Presiden Republik Rakyat China.

Majlis Pembukaan juga diserikan dengan persembahan gala dan tarian yang bertemakan 'Dream of Winter, Love among Asia', serta perbarisan lalu daripada para atlet daripada 34 negara dan wilayah daripada seluruh Asia yang menyertai temasya sukan berkenaan.

Lebih 1,270 atlet akan menyertai 11 disiplin sukan musim sejuk di Asian Winter Games Ke-9 yang berlangsung dari 7 hingga 14 Februari 2025.

Ini juga menandakan kali kedua Harbin menjadi tuan rumah bagi temasya sukan ini, selepas menghoskan Asian Winter Games Ke-3 pada tahun 1996.



NBD, Republik Kyrgyz komited eratkan hubungan diplomatik

HARBIN, REPUBLIK RAKYAT CHINA, Jumaat, 7 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Majlis Perjumpaan bersama Presiden Republik Kyrgyz, Tuan Yang Terutama Sadyr Zhaparov, yang berlangsung di Hotel JW Marriot, Harbin, Heilongjiang Province, China.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Semasa Mesyuarat tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan mengurniakan titah menyatakan bahawa Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Kyrgyzstan mempunyai

hubungan dan persahabatan yang mesra sejak hubungan diplomatik dijalankan pada tahun 1996.

Di samping itu, baginda menzahirkan rasa sukacita, di mana kedua-dua belah pihak juga bekerjasama rapat dalam forum antarabangsa termasuk Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Menyentuh mengenai hubungan dua hala, baginda melahirkan keyakinan bahawa dengan terdapatnya potensi untuk mengukuhkan hubungan kedua-dua buah negara.

Baginda menyambut baik kedua-dua belah pihak yang sedang bekerjasama dalam meneliti perjanjian pengecualian visa, yang mana akan menggalakkan lebih banyak lawatan di antara NBD dan Republik Kyrgyz.

Akhir sekali, baginda menyampaikan sokongan terhadap pencalonan Republik Kyrgyz di PBB termasuk Majlis Keselamatan PBB, serta menjemput Tuan Yang Terutama



KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASNAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BERKENAN BERANGKAT MENGHADIRI MAJLIS PERJUMPANAN BERSAMA PRESIDEN REPUBLIK KYRGYZ, TUAN YANG TERUTAMA SADYR ZHAPAROV, YANG BERLANGSUNG DI HOTEL JW MARRIOT, HARBIN, HEILONGJIANG PROVINCE, CHINA.

untuk mengadakan lawatan ke NBD.

Hubungan diplomatik di antara

NBD dan Republik Kyrgyz mula terjalin pada 15 Mac 1996, di mana kedua-dua buah negara

bekerjasama khususnya dalam bidang pertahanan, pendidikan, kesihatan dan kebudayaan.

Berangkat tiba di Harbin, Heilongjiang Province

Siaran Akbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Hernie Suliana Haji Othman

HARBIN, REPUBLIK RAKYAT CHINA

Khamis, 6 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selamat berangkat tiba di Harbin Taiping International Airport bagi menghadiri Majlis Pembukaan Asian Winter Games Ke-9 yang akan berlangsung pada 7

Februari 2025.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen. Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia dijunjung oleh Chairman of the Heilongjiang Provincial Committee of the Chinese People's Political Consultative

Conference, Mr. Lan Shaomin; dan Deputy Director General, Heilongjiang Provincial Foreign Affairs Office, Ms. Liu Yan.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat tiba di Harbin Taiping International Airport bagi menghadiri Majlis Pembukaan Asian Winter Games Ke-9 yang akan berlangsung pada 7 Februari 2025.



Kebawah DYMM akhiri Keberangkatan Negara



BEIJING, REPUBLIK RAKYAT CHINA, Khamis, 6 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat meninggalkan Beijing, Republik Rakyat China setelah selesai mengadakan Keberangkatan Negara.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima junjung ziarah sebelum berangkat meninggalkan Beijing, Republik Rakyat China.

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya berkenan berangkat ke Harbin, Heilongjiang Province, Republik Rakyat China bagi menghadiri Majlis Pembukaan Asian Winter Games Ke-9 yang akan berlangsung pada 7 Februari 2025.

Sebelum berangkat, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Beijing Capital bagi menyembahkan selamat berangkat Kehadapan Majlis Kebawah DYMM ialah Ketua Pengarah, Asian Affairs Department, Ministry of Foreign Affairs, Ms. Yu Hong.

NBD HARGAI HUBUNGAN PERSAHABATAN BERSAMA CHINA

Siaran Akbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Hernie Suliana Haji Othman

BEIJING, REPUBLIK RAKYAT CHINA, Khamis, 6 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, berkenan berangkat menghadiri Majlis Perjumpaan bersama Premier Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Li Qiang sempena Keberangkatan Negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Beijing, Republik Rakyat China.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Pada permulaan mesyuarat, Kebawah DYMM bertitah menzahirkan ucapan takziah dan simpati kepada keluarga yang terjejas akibat gempa bumi di Xizang pada Januari 2025.

Mengenai hubungan Negara

Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Rakyat China, Kebawah DYMM seterusnya bertitah menyatakan bahawa NBD menghargai hubungan dengan Republik Rakyat China dan teguh mendukung One China Policy, dan seterusnya menekankan bahawa Republik Rakyat China kekal sebagai rakan kongsi utama dan NBD menghargai persahabatan teguh yang dibina selama ini.

Di samping itu titah baginda lagi, NBD telah mendapat manfaat daripada hubungan dan pertukaran antara rakyat, pertukaran amalan terbaik dalam pelbagai bidang koperasi.

Sehubungan itu, Kebawah DYMM bertitah menzahirkan rasa sukacita dengan keberangkatan ini, di mana kedua-dua belah pihak menegaskan komitmen mereka untuk mengukuhkan hubungan ekonomi dengan memeterai perjanjian yang akan meluaskan dan memperdalam kerjasama dua hala.

Sementara itu, mengenai isu-isu serantau, Kebawah DYMM bertitah menekankan bagi meningkatkan perkongsian



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersalaman mesra bersama Premier Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Li Qiang semasa berangkat menghadiri Majlis Perjumpaan sempena Keberangkatan Negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Beijing, Republik Rakyat China.

serantau yang lebih kukuh bersama Republik Rakyat China, dan Hubungan Dialog

ASEAN-China menjadi salah sebuah perkongsian yang paling komprehensif dalam kalangan

ASEAN sejak bertahun-tahun lagi.

>> Mukasurat 5

NBD hargai hubungan persahabatan bersama China

>> Muka 4

Ke arah ini, baginda bertitah menzahirkan penghargaan terhadap sokongan Republik Rakyat China yang tidak berbelah bahagi, terutama sekali di bawah Comprehensive Strategic Partnership yang ditubuhkan semasa NBD menjadi Pengerusi ASEAN pada 2021.

Dalam hal ini, Kebawah DYMM bertitah menyuarakan pandangan bahawa usaha-usaha Republik Rakyat China yang berterusan untuk mengukuhkan kerjasama termasuk di bawah ASEAN-China Year of People-to-People Exchanges, telah mengeratkan lagi hubungan antara rakyat dan rantau ini secara signifikan.

NBD juga titah baginda lagi, mengalu-alukan Sidang Kemuncak ASEAN - Gulf Cooperation Council (GCC)-China di Kuala Lumpur, yang bertujuan untuk memupuk pertumbuhan ekonomi yang mampan dan kemakmuran yang dapat dinikmati bersama di seluruh rantau ini.

Kebawah DYMM juga mengalu-alukan lebih banyak peluang untuk mengukuhkan muhibah dan persahabatan antara kedua-dua negara dan rakyat.

Mesyuarat tersebut antara lainnya menekankan

perkembangan hubungan dua hala, dengan Kebawah DYMM bertitah turut mengongsikan bahawa sejak 2018, Strategic Cooperative Partnership di antara NBD dan Republik Rakyat China telah melakar perkembangan yang signifikan dalam bidang perdagangan dan pelaburan, pertanian, perikanan, dan pertukaran antara rakyat.

Selain itu tambah titah baginda lagi, kedua-dua belah pihak telah memperdalamkan hubungan ekonomi melalui projek kerjasama petrokimia bersama Hengyi dan pembangunan Terminal Kontena Muara dengan kerjasama Beibu Gulf.

Mengenai kerjasama tenaga, Kebawah DYMM seterusnya bertitah mengongsikan bahawa Fasa 1 bagi projek Hengyi dapat diselesaikan dengan jayanya, sekali gus menjadi pencapaian penting bagi sektor hiliran minyak dan gas NBD.

Didorong oleh kejayaan ini titah baginda lagi, NBD berhasrat untuk melanjutkan Fasa 2, yang mempunyai sasaran untuk meningkatkan nilai eksport petrokimia dengan dua kali lipat ganda di negara ini.

Kebawah DYMM seterusnya bertitah bahawa NBD yakin dengan perkembangan pelaburan asing dari Republik Rakyat China di NBD, dan menyambut baik pelaburan yang

akan menyumbang kepada usaha mempelbagaikan ekonomi negara ini.

Dalam titah, baginda turut menyuarakan pandangan bahawa kerjasama di antara NBD dan Republik Rakyat China dalam pelbagai projek telah membawa manfaat ekonomi yang penting kepada kedua-dua buah negara.

Dalam perkara ini, Kebawah DYMM bertitah menyatakan ketersediaan untuk membangun kapasiti NBD dalam pertanian dan perikanan melalui program pembangunan kapasiti untuk meningkatkan eksport ke Republik Rakyat China.

Kepakaran Republik Rakyat China dalam pengeluaran padi hibrid, termasuk penubuhan Pusat Penyelidikan Padi Hibrid di NBD, yang penting kepada matlamat kebangsaan NBD untuk menjadi mampu diri, juga telah dihargai oleh Kebawah DYMM.

Oleh itu, baginda bertitah menelekkan bahawa sokongan Republik Rakyat China yang berterusan terhadap Brunei-Guangxi Economic Corridor dan Terminal Kontena Muara akan dapat mentransformasikan NBD selaku hab serantau sebagai pintu masuk Republik Rakyat China kepada ASEAN, BIMP-EAGA dan selanjutnya.

Baginda turut menyuarakan pandangan bahawa perjanjian

pengecualian visa di antara NBD dan Republik Rakyat China telah memudahkan perjalanan bagi rakyat daripada kedua-dua buah negara, ke arah meningkatkan lagi pelancongan dan mengeratkan hubungan antara rakyat kedua-dua buah negara.

Kedua-dua pihak juga telah sama-sama meraih banyak pencapaian, dan untuk itu, baginda yakin bahawa kerjasama di antara kedua-dua buah negara akan terus berkembang di bawah perjanjian-perjanjian yang dimeterai semasa keberangkatan tersebut.

Kepentingan platform serantau, khususnya Hubungan ASEAN-China dan Perkongsian Komprehensif Ekonomi Serantau, juga telah digariskan dalam titah Kebawah DYMM bagi menangani cabaran-cabaran landasan geopolitik dan geoekonomi yang kian berubah.

Ke arah ini, baginda bertitah menghargai komitmen teguh Republik Rakyat China dalam Hubungan Dialog ASEAN-China dan merakamkan penghargaan atas penglibatan Tuan Yang Terutama Li Qiang dalam mesyuarat-mesyuarat ASEAN.

Perkongsian Strategik Komprehensif titah baginda lagi, memperkuatkan hubungan rapat serta komitmen bersama ASEAN dan Republik Rakyat China, yang membawa kerjasama serta prinsip saling percaya dan

hormat - menghormati ke peringkat yang lebih tinggi.

Tambah lagi titah Kebawah DYMM, NBD juga berhasrat untuk memperdalamkan penglibatan dalam perdagangan, tenaga dan digitalisasi, yang menjadi asas bagi memastikan kemapanan pada masa hadapan.

Kebawah DYMM bertitah mengalu-alukan sokongan Republik Rakyat China terhadap penubuhan Pusat Perubahan Iklim ASEAN di NBD, kerana inisiatif tersebut akan memperkuatkan usaha-usaha kebangsaan dan serantau dalam menangani perubahan iklim dan meningkatkan lagi kepimpinan global bagi Republik Rakyat China.

Akhir sekali, Kebawah DYMM bertitah memuji Republik Rakyat China atas peranan dan usaha pengantaraan dalam bantuan kemanusiaan di Myanmar, terutama sekali dalam penghantaran barang-barang bantuan.

NBD titah baginda lagi, kekal komited terhadap mendukung usaha-usaha ASEAN untuk mencari jalan penyelesaian yang berpanjangan untuk Myanmar, yang diterajui dan dimiliki Myanmar melalui pelaksanaan Five-Point Consensus.

Kebawah DYMM juga menjemput Tuan Yang Terutama Li Qiang untuk mengadakan lawatan ke NBD.

BERANGKAT KE UPACARA MELETAKKAN KALUNGAN BUNGA



Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Hernie Suliana Haji Othman



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Upacara Meletakkan Kalungan Bunga di Monument to the People's Heroes, Tian'anmen Square. Turut berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (kiri). Manakala gambar kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dijunjung untuk meletakkan kalungan bunga di tugu berkenaan.

BEIJING, REPUBLIK RAKYAT CHINA, Khamis, 6 Februari. – Pada Keberangkatan Negara ke Republik Rakyat China, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga berkenan berangkat ke Upacara Meletakkan Kalungan Bunga yang bertempat di Monument to the People's Heroes, Tian'anmen Square.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji

Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.


Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Vice Minister of Foreign Affairs, Tuan Yang Terutama Sun Weidong; Vice Chairwoman of the Beijing Municipal Committee of the Chinese People's Political Consultative Conference, Han Zirong and Deputy Commander of Beijing Garrison, Liang Feng.

Baginda seterusnya dijunjung untuk meletakkan kalungan bunga di tugu berkenaan.

Tugu tersebut telah siap ditubuhkan pada tahun 1958 sempena memperingati mereka yang terkorban ketika mempertahankan Republik Rakyat China dari abad kurun ke-19 dan ke-20.

8 MEMORANDUM PERSEFAHAMAN DITANDATANGANI



Siaran Akbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Hernie Suliana Haji Othman

BEIJING, REPUBLIK RAKYAT CHINA, Khamis, 6 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berkenan berangkat bersama Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Xi Jinping bagi menyaksikan Majlis Penandatanganan bagi Iapan Memorandum Persefahaman (MoU), berlangsung di Great Hall of the People, Beijing.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Bagi Memorandum of Understanding between the Supreme People's Court of the People's Republic of China and the Supreme Court of Brunei Darussalam on Judicial Cooperation, menandatangani bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Ketua Hakim Negara, Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Steven Chong Wan Oon. Manakala pihak Republik Rakyat China diwakili oleh President and Chief Justice of the Supreme People's Court, Tuan Yang Terutama Zhang Jun.

Sementara itu, majlis diteruskan dengan penandatanganan Bilateral Cooperation Plan on Jointly Promoting Cooperation within the Framework of the Silk Road Economic Belt and the 21st

Century Maritime Silk Road Initiative between the Government of the People's Republic of China and the Government of Brunei Darussalam.

Menandatangani bagi pihak Kerajaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, manakala pihak Republik Rakyat China diwakili oleh Chairman of the National Development and Reform Commission, Tuan Yang Terutama Zheng Shanjie.

Setelah itu, penandatanganan MoU between the National Development and Reform Commission of the People's Republic of China and the Ministry of Finance and Economy of Brunei Darussalam on Exchange and Cooperation in the Field of Economic Development disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi

II bagi pihak Kerajaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam manakala pihak Republik Rakyat China diwakili oleh Tuan Yang Terutama Zheng Shanjie.

Manakala penandatanganan bagi MoU between Ministry of Commerce of the People's Republic of China and the Ministry of Finance and Economy of Brunei Darussalam on Trade Promotion Cooperation disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II bagi pihak Kerajaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sementara pihak Republik Rakyat China diwakili oleh Minister of Commerce, Tuan Yang Terutama Wang Wentao.

Majlis diteruskan lagi dengan penandatanganan MoU between the National Press and Publication Administration of the People's Republic of China and

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bersama Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Xi Jinping bagi menyaksikan Majlis Penandatanganan bagi Iapan Memorandum Persefahaman (MoU), berlangsung di Great Hall of the People, Beijing.

and the Prime Minister's Office of the Government of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam ditandatangani oleh Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II bagi pihak Kerajaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam manakala China Media Group diwakili oleh Presiden China Media Group, Tuan Yang Terutama Shen Haixiong.

Penandatanganan bagi Protocol to Extend the MoU between the Government of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam, represented by Bandar Seri Begawan Municipal Board, Ministry of Home Affairs and Nanjing Municipal People's Government, Jiangsu Province of the People's Republic of China disempurnakan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman bagi pihak Kerajaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, manakala pihak Republik Rakyat China diwakili oleh Deputy Head of the Publicity Department of the Chinese Communist Party, Tuan Yang Terutama Hu Heping.

Bagi penandatanganan MoU between Xinhua News Agency of the People's Republic of China and the Prime Minister's Office of the Government of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam pula disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II bagi pihak Kerajaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, manakala pihak Republik Rakyat China diwakili oleh Secretary of the Municipal Party Committee of Nanjing, Tuan Yang Terutama Zhou Hongbo.

Pada sebelah tengah hari, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat menghadiri Majlis Santap Negara yang dihoskan oleh Tuan Yang Terutama Presiden Republik Rakyat China.

Sebelum berangkat dari Great Hall of the People, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima sebuah pesambahan berupa buku koleksi gambar, sebelum disembahkan dengan ucapan selamat berangkat daripada Tuan Yang Terutama Presiden Republik Rakyat China.



MEMPERKUKUH PERKONGSIAN, MEMPERTAHANKAN SISTEM PERDAGANGAN PELBAGAI HALA



Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Hernie Suliana
Haji Othman

BEIJING, REPUBLIK RAKYAT CHINA, Khamis, 6 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Majlis Sambutan Rasmi selepas sahaja selesai mengadakan Majlis Perjumpaan bersama Chairman of the Standing Committee of the National People's Congress, Tuan Yang Terutama Zhao Leji, hari ini.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Majlis Sambutan Rasmi selepas sahaja selesai mengadakan Majlis Perjumpaan bersama Chairman of the Standing Committee of the National People's Congress, Tuan Yang Terutama Zhao Leji, hari ini.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya disembahkenalkan kepada pembesar-pembesar Republik Rakyat China, diikuti dengan pengenalan ahli-ahli rombongan delegasi Negara Brunei Darussalam (NBD) kepada Tuan Yang Terutama Presiden Republik Rakyat China.

Baginda kemudian memeriksa

Barisan Kawalan Kehormatan yang terdiri daripada anggota People's Liberation Army setelah lagu kebangsaan kedua-dua buah negara dimainkan.

Sejurus selepas itu, Kebawah DYMM kemudian mengadakan Majlis Perjumpaan bersama TYT Presiden Republik Rakyat China. Pada perjumpaan tersebut, baginda bertitah menekankan persahabatan di antara baginda dan TYT Presiden Republik Rakyat China yang kian rapat, yang mana baginda berbesar hati apabila menjadi tetamu negara pertama TYT pada tahun 2013.

Dalam hal ini, baginda menghargai persahabatan ini serta layanan mesra yang dihulurkan kepada NBD dan rakyatnya serta mengesahkan kembali komitmen teguh terhadap One China Policy.

Mengenai hubungan dua hala di antara NBD dan Republik Rakyat China, perkembangan di bawah Strategic Cooperative Partnership ke arah masyarakat Brunei-China yang mempunyai masa depan bersama telah menandakan dedikasi bersama untuk memperkuatkkan hubungan tersebut, yang berdasarkan prinsip saling hormat-menghormati dan saling mempercayai.

Dalam pada itu, NBD sangat kagum dengan pencapaian China yang banyak khususnya pertumbuhan ekonomi yang

pesat dan konsisten sekali gus meningkatkan kesejahteraan rakyat negara berkenaan secara signifikan.

Di bawah kepimpinan TYT Xi Jinping, Kerajaan China telah melancarkan beberapa inisiatif yang berjaya mengurangkan kemiskinan dalam kalangan berjuta-juta rakyatnya. Kebawah DYMM seterusnya menekankan bahawa ini merupakan pencapaian yang luar biasa dan seterusnya menzhirkan ucapan tahniah atas kejayaan tersebut, yang memainkan peranan penting dalam Rancangan Lima Tahun China Ke-14.

Manakala di peringkat antarabangsa pula, China memainkan peranan penting dalam memelihara keamanan global dan pembangunan melalui pelbagai inisiatif termasuk Global Development Initiative, yang mana baginda menyambut baik kejayaannya secara berterusan sebagai kuasa besar penting yang strategik dan bertanggungjawab.

Oleh itu, baginda juga mengalu-alukan bagi meneruskan kerjasama rapat untuk meningkatkan lagi perkongsian yang dihargai ini dan membawa manfaat bersama kepada rakyat kedua-dua buah negara.

Mesyuarat ini, antara lainnya juga memberi tumpuan terhadap hubungan dua hala antara kedua-dua buah negara, yang mana Kebawah DYMM selanjutnya bertitah menyatakan bahawa NBD terus memanfaatkan kerjasama teguh

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Majlis Sambutan Rasmi dan dialu-alukan oleh Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Xi Jinping.

Di samping itu, biasiswa dan latihan dihulurkan oleh Hengyi yang memainkan peranan signifikan dalam membangun modal insan negara - turut dihargai oleh baginda. Selain itu, baginda juga mengalu-alukan perjanjian pengecualian visa bagi rakyat Brunei yang melawat China dan seterusnya mengambil maklum bahawa NBD sedang dalam proses bagi menimbal balik perjanjian tersebut bagi rakyat China.

Melihat ke hadapan, Kebawah DYMM menzhirkan rasa sukastra dengan komitmen bersama untuk memperdalam hubungan ekonomi, kehakiman, media dan pertukaran antara rakyat, yang dibuktikan melalui pemeteraiannya beberapa perjanjian semasa keberangkatan ini. Perkara ini akan memperkuatkkan perkongsian yang erat dan berlanjutan di antara kedua-dua buah negara pada masa akan datang.

Dalam menghadapi ketidaktentuan geopolitik dan geoekonomi yang semakin meningkat, adalah amat penting untuk terus mengukuhkan perkongsian di peringkat dua hala dan serantau, ke arah mempertahankan sistem perdagangan pelbagai hala yang bebas dan terbuka.

Oleh itu, baginda menghargai sokongan dan persahabatan China di bawah ASEAN-China Comprehensive Strategic Partnership dan seterusnya memaklumkan mengenai hasrat NBD untuk bekerjasama dalam bidang perdagangan, tenaga dan digitalisasi bagi menggalakkan kapasiti modal insan serta institusi. Sokongan China terhadap penubuhan Pusat Perubahan Iklim ASEAN di NBD turut disambut baik oleh baginda.

Mengenai perkembangan serantau, Kebawah DYMM memuji China atas usaha-usaha pengantaraan dan pembekalan bantuan kemanusiaan di Myanmar dan baginda komited untuk bekerjasama dengan ASEAN dan rakan-rakan luar dalam menyokong situasi politik di negara tersebut ke arah melaksanakan Five-Point Consensus yang akan memupuk jalan penyelesaian yang diterajui dan dimiliki Myanmar.

Akhir sekali, baginda menyampaikan ucapan tahniah kepada TYT Xi Jinping dan Republik Rakyat China selaku Penggerusi APEC bagi Tahun 2026 dan seterusnya menjemput TYT untuk mengadakan Lawatan Negara ke NBD.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa disembahkenalkan kepada pembesar-pembesar Republik Rakyat China dan seterusnya baginda berkenan memeriksa Barisan Kawalan Kehormatan yang terdiri daripada anggota People's Liberation Army (kanan dan kanan sekali).



MEMPERTINGKATKAN HUBUNGAN DUA HALA, EKONOMI NBD, CHINA

BEIJING, REPUBLIK RAKYAT CHINA, Khamis, 6 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan memulakan Keberangkatan Negara ke Republik Rakyat China dengan menghadiri Majlis Perjumpaan bersama Chairman of the Standing Committee of the National People's Congress, Tuan Yang Terutama Zhao Leji yang berlangsung di Great Hall of the People, Beijing, hari ini.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Semasa mesyuarat ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menekankan

bahawa hubungan dua hala di antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Rakyat China kekal kukuh, yang digariskan oleh kerjasama mesra dan erat serta komitmen teguh NBD terhadap One China Policy.

Baginda menambah bahawa Strategic Cooperative Partnership yang ditubuhkan pada tahun 2018, merangkumi perdagangan dan pelaburan, pertanian, perikanan dan pertukaran antara rakyat, yang kesemuanya terus membawa manfaat yang ketara bagi rakyat kedua-dua buah negara.

Dedikasi bersama untuk meningkatkan kepentingan bersama telah mengukuhkan lagi kerjasama yang teguh dan oleh itu, baginda berharap untuk dapat meneruskan usaha dalam meningkatkan ikatan persahabatan dan persefahaman antara rakyat dan negara.

Mesyuarat berkenaan, antara lainnya, memfokuskan kepada hubungan dua hala, di mana baginda menzhirkan rasa puas hati bahawa NBD dan China terus mendukung kerjasama yang telah terjalin sekian lamanya sejak menjalinkan hubungan diplomatik

pada tahun 1991.

Baginda juga menghargai sokongan padu China dalam usaha mempelbagaikan Brunei, yang telah menyumbang dengan ketara kepada pembinaan ekonomi yang teguh dan berdaya tahan.

Dalam menghadapi ketidaktentuan geopolitik global semasa, Kebawah Duli Yang Maha Mulia menyuarakan pandangan bahawa adalah penting untuk menjaga kepentingan bersama terutamanya dalam bidang-bidang seperti keselamatan makanan dan pembangunan ekonomi yang mampan. Oleh itu, NBD berhasrat untuk meningkatkan lagi hubungan ekonomi dengan China, khususnya dalam sektor pertanian makanan dan akultur.

Sementara itu, pertukaran antara rakyat bagi kedua-dua buah negara kekal kukuh dan berkekalan; orang ramai dan membolehkan mereka membina persahabatan yang berkekalan. Ke arah ini, baginda mengalu-alukan lebih ramai pelawat China ke Brunei melalui



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghadiri Majlis Perjumpaan bersama Chairman of the Standing Committee of the National People's Congress, Tuan Yang Terutama Zhao Leji yang berlangsung di Great Hall of the People, Beijing.

perjanjian pengecualian visa antara kedua-dua buah negara.

Di samping itu, dokumen yang ditandatangani semasa keberangkatan ini akan mengukuhkan dan mengembangkan lagi hubungan strategik antara NBD dan China pada masa hadapan.

Mengenai hal ehwal serantau, Kebawah DYMM menzhirkan penghargaan atas sokongan dan

komitmen China yang tidak berbelah bahagi terhadap Hubungan Dialog ASEAN-China dalam semua aspek Tonggak Komuniti.

Tambahan lagi, penglibatan China dalam Perhimpunan Antara Parlimen ASEAN (AIPA) amatlah dihargai dan baginda seterusnya mengalu-alukan lebih banyak peluang untuk mengukuhkan lagi kerjasama perundangan.

Kebawah DYMM berangkat tiba di Beijing, Republik Rakyat China

Siaran Akbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Hernie Suliana
Haji Othman



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat tiba di Beijing, Republik Rakyat China bagi mengadakan Keberangkatan Negara pada 6 Februari 2025. Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (kiri). Manakala gambar kanan dan bawah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan berkenan menerima junjung ziarah.

BEIJING, REPUBLIK RAKYAT CHINA, Rabu, 5 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat tiba di Beijing, Republik Rakyat China, hari ini, bagi mengadakan Keberangkatan Negara pada 6 Februari 2025.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan tiba Kebawah

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Lapangan Terbang Antarabangsa Beijing Capital dijunung oleh Minister of Agriculture and Rural Affairs, Tuan Yang Terutama Han Jun dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Xiao Jianguo.

Juga hadir bagi menjunjung keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Pehin Orang Kaya Seri Pahlawan Kolonel (B) Dato Paduka Haji Abdu'r Rahmani bin Dato Paduka Haji Basir.



BERANGKAT KE BEIJING, REPUBLIK RAKYAT CHINA BAGI KEBERANGKATAN NEGARA



Oleh : Khartini Hamir, Aimi Sani
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit,
Mohammad Hasif Matzin, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie
Pg. Haji Nikman

RIMBA, Rabu, 5 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Beijing, Republik Rakyat China. Turut berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (kiri). Manakala gambar atas, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda baginda menadahkan tangan semasa doa dibacakan.

berkenan berangkat ke Beijing, Republik Rakyat China bagi mengadakan Keberangkatan Negara pada 6 Februari 2025 dan seterusnya menghadiri Majlis Pembukaan Asian Winter Games Ke-9 yang akan berlangsung pada 7 Februari 2025 di Harbin, Heilongjiang Province, Republik



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Beijing, Republik Rakyat China. Turut berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (kiri). Manakala gambar atas, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda baginda menadahkan tangan semasa doa dibacakan.

Rakyat China.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen. Sebelum berangkat dari Istana

Nurul Iman, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Berangkat di Hangar Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Rimba bagi menyembahyang selamat berangkat Kehadapan Majlis Kebawah DYMM ialah ahli-ahli kerabat diraja.

Berangkat sama dan hadir di Hangar Penerbangan Kebawah DYMM bagi menyembahyang selamat berangkat Kehadapan Majlis Kebawah DYMM ialah Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Menteri-menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Di-Raja, Timbalan-timbalan Menteri, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, dan Pemangku Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima junjung ziarah.

DOA Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan (bawah).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia melambai mesra sebelum berkenan berangkat (atas). Manakala gambar kiri, menyembahyang selamat berangkat Kehadapan Majlis Kebawah DYMM ialah kerabat diraja.

BERKENAN SAKSIKAN LIGA PERDANA SINGAPURA



Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohammad Hatral Azmi Awang Abdul Hamid, Mohamad Hasif Matzin

BERAKAS, Jumaat, 7 Februari. – Brunei DPMM FC kecundang di tempat sendiri ketika menentang Balestier Khalsa FC dengan jaringan 2 - 3 dalam perlawanan Liga Perdana Singapura (SPL) musim 2024/2025 bertempat di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Berangkat menyaksikan perlawanan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri

Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Berangkat sama adinda dan anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntasim; Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman; dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah.

Beberapa siri serangan awal skuad Brunei DPMM FC hampir menerjah gawang pihak lawan,

namun kebanyakannya tersasar.

Walau bagaimanapun permainan bertukar rentak apabila Brunei DPMM FC berjaya menyumbangkan gol pertama mereka menerusi jaringan Davis Ikaunioks pada minit ke-29 menerusi hantaran yang diterima melalui Azwan Ali Rahman.

Jaringan pertama itu juga merupakan gol pertama bagi Davis Ikaunioks dalam aksi Brunei DPMM FC.

Menamatkan babak pertama perlawanan, Balestier Khalsa FC terus cuba untuk membuat serangan namun berjaya dikawal dengan baik oleh pemain Brunei DPMM FC yang bijak mengatur pertahanan.

Memasuki separuh masa kedua perlawanan, kedua-dua pasukan terus gigih mengatur strategi masing-masing sehingga pertemuan dilihat semakin sengit dan agresif menerusi serangan-serangan pantas dari kedua-dua pasukan.

Namun atas kesilapan hantaran dibuat oleh pemain Brunei DPMM FC, Abdul Hariz Herman telah memberikan peluang kepada Kodai Tanaka dari Balestier Khalsa FC untuk membuat gol penyamaan mereka pada minit ke-48.

Balestier Khalsa FC sekali lagi mencari peluang dan berjaya menjaringkan gol kedua mereka menerusi jaringan oleh Anton



AKSI para pemain pada perlawanan tersebut (atas dan atas sekali). Sementara gambar kanan, sebahagian yang hadir menyaksikan perlawanan berkenaan.

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan berkenan berangkat menyaksikan perlawanan Liga Perdana Singapura (SPL) musim 2024/2025, turut berangkat sama adinda Duli Yang Teramat Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik (kiri dan atas).

Quinten Olivier Fase pada minit ke-68, sekali gus memberikan ketegangan permainan buat Brunei DPMM FC.

Dalam pada itu pemain Brunei DPMM FC terus berusaha keras di saat-saat akhir perlawanan sehingga berjaya membuat gol penyamaan pada minit ke-85 hasil jaringan Hakeme Yazid menjadikan jaringan terikat 2-2.

Walau bagaimanapun nasib tidak menyebelahi Brunei DPMM FC apabila Balestier Khalsa FC sekali lagi berjaya membolosi gawang Brunei DPMM FC melalui

penjaring terbanyak liga, Riku Fukashiro pada minit terakhir ke-95 sebelum wisel penamat dibunyikan.

Dalam 31 pertemuan, Brunei DPMM FC pernah mengalahkan Balestier Khalsa FC sebanyak 13 kali, sementara Balestier Khalsa FC pernah mengalahkan Brunei DPMM FC sebanyak 12 kali, dan seri sebanyak 10 kali.

Brunei DPMM FC selanjutnya akan berentap menentang Tampines Rovers FC di Stadium Jalan Besar, Singapura pada 23 Februari ini nanti.



Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman turut berangkat sama menyaksikan perlawanan berkenaan bersama anakanda-anakanda DYTM.



BERANGKAT MENYAKSIKAN HARBIN INTERNATIONAL ICE AND SNOW SCULPTURE FESTIVAL

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Hernie Suliana Haji Othman

HARBIN, REPUBLIK RAKYAT CHINA, Jumaat, 7 Februari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, petang tadi berkenan berangkat ke Harbin International Ice and Snow Sculpture Festival yang berlangsung di Sun Island Scenic Resort, Harbin, Heilongjiang Province, Republik Rakyat China.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dijunjung oleh Party Secretary, Chairman, Harbin Modern Cultural Tourism Investment Group Co. Ltd., Kong Qingbin; dan Party Secretary and Chairman of Harbin Ice and Snow World Co. Ltd, Guo Hongwei.

Semasa di Harbin International Ice and Snow Sculpture Festival, Duli Yang Teramat Mulia

berkenan menyaksikan beberapa replika ais mercu tanda yang terkenal di seluruh dunia, antaranya rekaan Tembok Besar China; Grand Palace (Thailand); The Merlion (Singapura), serta skulptur ais yang dibuat khas sempena keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Harbin, Republik Rakyat China.

Harbin International Ice and Snow Sculpture Festival yang diadakan setiap tahun di Harbin, Republik Rakyat China merupakan festival musim sejuk terbesar di dunia.

Ia bermula pada 1963 dengan tanglung ais ringkas semasa perayaan Tahun Baharu, yang kemudian berkembang menjadi skulptur ais yang besar.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat ke Harbin International Ice and Snow Sculpture Festival yang berlangsung di Sun Island Scenic Resort, Harbin, Heilongjiang Province, Republik Rakyat China.

Doa Kesyukuran sempena Penggunaan Masjid As-Salaam



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Doa Kesyukuran sempena Penggunaan Masjid As-Salaam, Kampung Junjongan dan Tahlil Arwah Sekampung Serta Penyampaian Surat Lantikan Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) Masjid Bagi Sesi 2025 hingga 2027 dan seterusnya bergambar ramai pada masjid berkenaan.

JUNJONGAN, Jumaat, 7 Februari. - Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) Masjid As-Salaam, Kampung Junjongan dengan kerjasama Ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) Junjongan baru-baru ini mengadakan Majlis Doa Kesyukuran sempena

Penggunaan Masjid As-Salaam, Kampung Junjongan dan Tahlil Arwah Sekampung Serta Penyampaian Surat Lantikan AJKT Masjid Bagi Sesi 2025 hingga 2027. Acara berkenaan berlangsung di masjid berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat

majlis, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Acara dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, bacaan Surah Yaa

Siaran Akhbar dan Foto : Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid As-Salaam, Kampung Junjongan

Siin, Tahlil dan Doa Arwah serta Doa Kesyukuran sempena Penggunaan Masjid berkenaan. Acara diteruskan lagi dengan ucapan daripada Ketua Kampung Junjongan, Awang Haji Tamam @ Haji Haji Ahmad Shah Tamami bin Haji Timbang, selaku Pengurus Bersama dan seterusnya Penyampaian Surat Lantikan AJKT Masjid Bagi Sesi 2025 hingga 2027.

MENTERI KESIHATAN HADIRI MESYUARAT EKSEKUTIF WHO SESI KE-156



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan



YANG Berhormat Menteri Kesihatan mengetuai delegasi Negara Brunei Darussalam (NBD) ke Mesyuarat Eksekutif Sesi Ke-156 yang berlangsung di Geneva, Switzerland, bermula pada 3 hingga 11 Februari 2025 (atas dan kiri).

GENEVA, SWITZERLAND, Rabu, 5 Februari. - Menteri-menteri Kesihatan dan wakil-wakil daripada beberapa negara Ahli Lembaga Eksekutif Pertubuhan Kesihatan Sedunia (Executive Board (EB) of the World Health Organisation (WHO)) telah pun menghadiri Mesyuarat Eksekutif Sesi Ke-156 yang berlangsung di Geneva, Switzerland, bermula pada 3 hingga 11 Februari 2025.

Delegasi Negara Brunei Darussalam (NBD) ke mesyuarat berkenaan diketuai oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, yang juga disertai oleh Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin dan beberapa pegawai kanan dari Kementerian

Kesihatan serta Perwakilan Tetap NBD ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di Geneva, Switzerland.

EB WHO adalah terdiri daripada 34 negara ahli yang dilantik mewakili enam rantaui WHO untuk penggal tiga tahun.

Mesyuarat - mesyuarat EB diadakan dua tahun sekali, iaitu yang pertama pada awal tahun bagi lembaga untuk membincangkan dan bersepakat mengenai agenda-agenda serta resolusi dan keputusan yang akan dipertimbangkan oleh Perhimpunan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (World Health Assembly-WHA) untuk tahun berkenaan.

Manakala mesyuarat kedua puluh berlangsung setiap Mei hingga Jun, iaitu menyusul kepada selesainya

sesi WHA, dan ia berfungsi untuk melaksanakan keputusan dan dasar WHA yang telah pun diluluskan, dan juga memberikan panduan bagi memudahkan kerja WHO secara amnya.

Semasa Persidangan Kesihatan Sedunia WHA77 pada tahun lepas, NBD telah pun diterima untuk menjadi ahli kepada Lembaga Eksekutif selaku salah satu wakil negara-negara ahli dari Rantau Pasifik Barat Pertubuhan Kesihatan Sedunia (World Health Organisation Western Pacific Region) untuk tempoh tiga tahun dari 2024 hingga 2027.

Mesyuarat Lembaga EB-156 kali ini telah pun meneliti agenda-agenda am termasuk laporan Ketua Pengarah WHO, laporan Jawatankuasa Serantau ke

Lembaga Eksekutif (Report of the regional committees to the Executive Board) dan laporan Jawatankuasa Program, Belanjawan dan Pentadbiran Lembaga Eksekutif (Report of the Programme, Budget and Administration Committee of the Executive Board), pengurusan dan tadbir urus, pembentukan dan pelaksanaan peruntukan atau belanjawan program bagi tahun kewangan 2024 hingga 2025 serta cadangan peruntukan atau belanjawan bagi tahun 2026-2027.

Selain itu, sesi mesyuarat juga membincangkan agenda-agenda pentadbiran dan teknikal yang dibincangkan di bawah beberapa tunggakdengan beberapa cadangan resolusi dan keputusan juga telah diteliti untuk dibincangkan dan dipertimbangkan

nanti semasa WHA-78 pada Mei 2025.

Beberapa derah resolusi dan keputusan telah dibentangkan semasa Sesi EB-156 berkenaan untuk diteliti dan dipertimbangkan bagi dikemukakan nanti di WHA-78 dan NBD telah menyokong sama (co-sponsor) satu resolusi yang dicadangkan oleh negara Malaysia, iaitu Promoting and Prioritizing Integrated Lung Health Approach.

Semasa di Geneva, Yang Berhormat Menteri Kesihatan juga berkesempatan untuk membuat perbincangan dua hala dengan Menteri Kesihatan Maldives, Yang Berhormat Abdulla Nazim Ibrahim, mengenai kerjasama bidang kesihatan yang berkepentingan di antara kedua-dua buah negara dan serantau.

Tinjau pelaksanaan Kursus Ibadat Haji, Umrah



teratur.

Turut serta dalam lawatan tersebut ialah Setiausaha Tetap, KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim; dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar.

Antara objektif kursus diadakan adalah untuk membantu bakal jemaah haji mempelajari, memahami dan meningkatkan pengetahuan mengenai manasik haji secara teori dan praktikal agar bakal jemaah dapat melaksanakan Ibadat Haji dengan teratur dan sempurna.

Kursus juga bertujuan menyelaras dan menyeragamkan hukum-hakam berkaitan ilmu

YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama semasa mengadakan lawatan ke dua buah pusat Kursus Ibadat Haji dan Umrah bagi Musim Haji Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi (atas dan atas kanan). Manakala gambar bawah kanan, antara yang menghadiri kursus berkenaan.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit

MULAUT, Jumaat, 7 Februari. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Urusan Haji (JUH) akan sentiasa memastikan bakal-bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam (NBD) khususnya dibekalkan dengan ilmu manasik haji yang lengkap dan sempurna, dengan mengadakan Kursus Ibadah Haji dan Umrah bagi Musim Haji Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi bagi bakal jemaah haji NBD.

Bagi meninjau dengan lebih

dekat pelaksanaan Kursus Ibadat Haji dan Umrah secara teori yang diberikan kepada bakal jemaah Haji yang terpilih untuk menuaikan Ibadat Haji bagi musim haji tahun ini di samping untuk memastikan kursus tersebut berjalan dengan lancar dan sempurna, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan mengadakan lawatan ke dua buah

pusat Kursus Ibadat Haji dan Umrah bagi Musim Haji Tahun 1446H/2025M iaitu ke Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam, Kampung Mulaut, dan Sekolah Ugama Lambak Kanan, Jalan 1, Kampung Perpindahan Lambak Kanan.

Lawatan juga bertujuan untuk bersempua dan berinteraksi secara langsung dengan guru-guru pengkursus dan bakal jemaah haji yang terpilih serta memastikan penyampaian ilmu manasik haji kepada bakal jemaah disampaikan dengan lengkap dan

manasik haji, umrah dan ziarah.

Di samping itu, kursus juga untuk memberikan gambaran keadaan terkini di Tanah Suci melalui video klip dan gambar-gambar yang dikongsikan oleh para pengkursus seperti Masjidil Haram di Mekah, Masjid Nabawi di Madinah, Padang 'Arafah dan Mina.

Kursus Ibadah Haji dan Umrah bagi Musim Haji Tahun 1446H/2025M bagi bakal jemaah haji NBD diadakan secara serentak di keempat-empat daerah bermula 17 Januari lalu dan akan berakhir pada 16 Februari 2025.

Kursus tersebut diadakan pada setiap hari Jumaat dan Ahad sebanyak 10 sesi bermula pukul 8.00 pagi hingga 10.30 pagi dan dikendalikan oleh JUH, KHEU melalui Bahagian Bimbingan Haji dan Umrah.

PELANCARAN SEMULA PENERBANGAN RB KE BALIKPAPAN



YANG Berhormat Menteri Pembangunan selaku Pengerusi Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RB) dan Lembaga Pengarah RB hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pelancaran Semula Penerbangan ke Balikpapan yang berlangsung di Dewan Berkshire, Jerudong (atas dan kiri).

>> Muka 1

Menurutnya, laluan berkenaan akan membuka saluran pelancongan baharu, peluang perdagangan dan juga pelaburan di samping menyediakan akses lancar ke Balikpapan dan ibu negara Indonesia yang akan datang, Nusantara, melalui NBD dan seterusnya ke destinasi lain dalam rangkaian RB.

"Acara berkenaan untuk memperingati penyambungan semula perkhidmatan udara

Balikpapan ke Bandar Seri Begawan mencerminkan persahabatan yang terjalin lama dan berakar umbi antara NBD dan Republik Indonesia.

"Adalah satu penghormatan bagi RB untuk menyumbang kepada kesalinghubungan udara antara kedua-dua negara dalam memacu pelancongan, perdagangan dan pertukaran budaya," ujarnya.

Menurut Kapten Sabirin lagi, pelancaran semula berkenaan akan membolehkan lebih banyak kerjasama serantau dan

kemakmuran bersama bagi komuniti kita. Laluan NBD dan Balikpapan berfungsi sebagai jambatan strategik, membuka peluang baharu untuk kerjasama dan pertumbuhan sambil menghubungkan orang ramai ke hab utama bagi ekonomi dan budaya.

"Kami merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada TYT Prof. Dr. Achmad Ubaedillah, atas sokongan dan perkongsian dalam menjayakan pelancaran semula ini. Kami berharap dapat

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Adzrie Pg. Haji Nikman

mengalu-alukan lebih ramai penumpang di atas kapal dan terus menyampaikan perkhidmatan kami dalam mencerminkan layanan tulen kami sebagai warga NBD," ujarnya.

Majlis Resepsi berkenaan turut menampilkan 'Nasi Tumpeng', hidangan istimewa dari Republik Indonesia sebagai melambangkan kesyukuran dan mendatangkan kebaikan.

Persembahan kebudayaan, yang ditaja oleh Kedutaan Indonesia, menonjolkan warisan budaya unik yang dikongsi antara kedua-dua wilayah. Penerbangan untuk ke Balikpapan boleh didapati melalui laman sesawang RB, aplikasi mudah alih dan ejen pelancongan yang dibenarkan.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai bolehlah melayari www.flyRB.com.

مقرنلکن اقیکاسی موده الیه جابتن ڦرعن


Memperkenalkan
**Aplikasi Mudah Alih
Jabatan Penerangan**

InfoDeptBN

- Memudahkan Pengguna Mendapat **Berita Terkini**
- Meningkatkan **Perkongsian Maklumat**
- Pelaksanaan Yang **Cepat Dan Mudah**
- Menjurus Ke Arah **Paperless** Dan **Green IT**

Gunakanlah Aplikasi Kami!

Dapatkan aplikasi dan muat turun di



'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'

34 AJKT MASJID KAMPUNG PULAIE TERIMA SURAT LANTIKAN

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat Majlis Penyampaian Surat Lantikan Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) Masjid Kampung Pulaie bagi Sesi 2024 hingga 2026 semasa menyampaikan surat lantikan kepada salah seorang penerima.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 Februari. - Pengimaranan masjid tidak sahaja menjadi tanggungjawab pegawai masjid, malah juga Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) masjidnya.

Komitmen AJKT Masjid amatlah penting dalam sama-sama menjayakan setiap aktiviti takmir masjid.

Dengan kerjasama kedua-dua belah pihak akan menjadikan sesebuah masjid berkenaan terus bersemarak dengan pelbagai aktiviti takmir masjid.

Pentakmiran masjid bukan hanya dengan memperbanyakkan aktiviti yang berbentuk peraduan dan pertandingan tetapi meliputi

pentakmiran secara keseluruhan khususnya aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pelaksanaan ibadah seperti sembahyang lima waktu, kuliah-kuliah ilmu dan lain-lain yang bermanfaat.

Sehubungan dengan itu, Majlis Penyampaian Surat Lantikan AJKT Masjid Kampung Pulaie bagi Sesi 2024 hingga 2026 diadakan malam tadi di Masjid Kampung Pulaie.

Penyampaian Surat Lantikan berkenaan disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, kepada 34 orang AJKT masjid berkenaan yang baharu dilantik.

Dengan pelantikan AJKT Masjid Kampung Pulaie bagi sesi 2024 hingga 2026 berkenaan adalah diharap agar kedua-dua belah pihak terus melaksanakan tanggungjawab bersama dalam meningkatkan aktiviti pengimaranan dan program kerohanian untuk menyemarakkan lagi masjid serta mengembangkan syiar Islam di negara ini.

Majlis terlebih dahulu dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha beramai-ramai dan diteruskan dengan ucapan alu-aluan oleh Ketua Imam Masjid Kampung Pulaie, Awang Mohd. Zakaria bin Haji Mohd. Salleh.

Ini diikuti dengan ucapan daripada tetamu kehormat majlis yang antara lain menyatakan semangat bersatu padu dan kerjasama serta persefahaman dalam kalangan Ahli Jawatankuasa dan pegawai-pegawai masjid khususnya amatlah penting dalam sama-sama merancang dan melaksanakan satu-satu aktiviti takmir masjid.

Di samping itu juga katanya, Rancangan Tahunan Takmir Masjid yang dirancang berkenaan hendaklah bersesuaian dan dapat menarik minat semua lapisan masyarakat seperti kanak-kanak, belia dan beliawanis, dewasa, Muslimah dan warga emas.

Menyentuh mengenai tugas dan peranan AJKT masjid, Awang Haji Mohammad Rosli menegaskan bahawa tugas setiap Pengurus



YANG Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi) yang juga selaku Penaung AJKT Masjid Kampung Pulaie turut hadir pada majlis berkenaan.

atau Penyelia masing-masing telah digariskan dalam buku yang disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Masjid, iaitu 'Pelantikan AJKT Masjid'.

Sebagai contoh ujarnya lagi, penyelia fakir miskin hendaklah membantu pegawai masjid dalam mengenal pasti saudara-saudara kita yang kurang berkemampuan yang tidak atau belum tersenara di bawah Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) atau Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) agar mereka ini dapat dibantu oleh pihak-pihak yang berkenaan.

"Selain dari itu juga, penyelia bangunan juga berperanan dalam membantu pegawai masjid dalam memelihara keselamatan dan kerosakan bangunan masjid ini dengan memaklumkan kepada pegawai masjid mana-mana kerosakan yang perlu dibaiki serta merta atau dalam sama-sama

memberi cadangan mengenai pemuliharaan atau sebarang tambahan jika perlu.

"Di samping itu juga, kebersihan masjid adalah amat penting sekali dititikberatkan kerana adalah menjadi amanah dan tanggungjawab kita semua untuk sama-sama menjaga kebersihan dan kecantikan serta kesucian masjid ini," ujarnya lagi.

Majlis turut menyaksikan Penyampaian Surat Penghargaan kepada AJKT Masjid Kampung Pulaie Sesi 2024 hingga 2026 oleh Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid, yang juga selaku Penaung AJKT Masjid Kampung Pulaie.

Hadir sama ialah Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri serta jemaah masjid.

Aspek keselamatan teratur cegah kemalangan di tempat kerja

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

TUTONG, Khamis, 6 Februari. - Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA) dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), hari ini meneruskan Sesi Muzakarah bersama Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung bagi Daerah Tutong dan Belait yang berlangsung di The Lanes Hotel, Tutong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Ketua Pegawai Eksekutif SHENA, Awang Haji Muhsin bin Haji Ahmad.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha dan taklimat keselamatan, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pengarah Bahagian Perancangan Strategik, SHENA, Dayang Salmaya Rahayu binti Salleh.

Dayang Salmaya Rahayu dalam ucapannya menjelaskan, Sesi Muzakarah berkenaan antara lain bertujuan untuk menyampaikan pendekatan mengenai hal ehwal kesejahteraan dan keselamatan di tempat kerja mengikut undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa pada masa ini.

"Secara khususnya pula, pihak SHENA percaya penglibatan penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung dalam memastikan Negara Brunei Darussalam sebagai tempat yang selamat untuk bekerja dan didiami, dapat sama-sama direalisasikan.

"Ini adalah kerana pihak SHENA mengkategorikan abiskita sebagai pempengaruh atau influencer yang efektif untuk membimbing dan melindungi penduduk kampung dan

sekitarnya khususnya dan masyarakat secara amnya," terangnya lagi.

Sebagai Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, beliau menjelaskan pihak SHENA yakin ia dapat mempengaruhi komuniti di kawasan atau zon masing-masing yang mana terdapatnya aktiviti kerja seperti pengubahan atau pembinaan sama ada di premis-premis persendirian atau premis-premis awam, untuk mengamalkan budaya keselamatan dan mematuhi perundangan keselamatan di tempat kerja.

Sebagai gambaran, sejak tahun 2013 sehingga tahun 2024, terdapat 79 kematian di tempat kerja di pelbagai sektor dan pada tahun 2024 sahaja, tiga kematian di sektor pembinaan telah direkodkan, tambahnya lagi.

Risiko kemalangan, tegas beliau lagi, boleh dikurangkan dan dicegah sekiranya aspek-aspek keselamatan dilaksanakan dengan teratur.

"Dalam hal ini, pihak SHENA dengan kerjasama pihak-pihak kerajaan dan swasta yang berkepentingan terus berusaha melalui beberapa pendekatan dan kaedah untuk meningkatkan keselamatan di tempat kerja," jelas beliau.

Sesi Muzakarah turut menekankan pendekatan Whole of Nation dalam merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Melalui kerjasama yang diperkuuh merentasi pelbagai lapisan masyarakat, matlamat keselamatan, kesihatan dan penjagaan alam sekitar dapat dicapai dengan lebih berkesan.



SUASANA pada Sesi Muzakarah bersama Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung bagi Daerah Tutong dan Belait yang berlangsung di The Lanes Hotel (atas dan bawah).



Kepimpinan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung memainkan peranan penting dalam membudayakan sikap

berwaspada dan tanggungjawab di seluruh komuniti.

Juga hadir, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Pegawai-

pegawai Daerah, Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung dari Daerah Tutong dan Daerah Belait.

15 PELAJAR TERIMA BIASISWA HENGYI

Siaran Akhbar dan Foto : Hengyi Industries Sdn. Bhd.



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Februari. - Hengyi Industries Sdn. Bhd. (Hengyi Industries) hari ini telah menganugerahkan basiswa kepada 15 pelajar di bawah Program Biasiswa Bersama inisiatif kerjasama antara Hengyi Industries, Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Universiti Zhejiang (ZJU).

Majlis Penandatanganan Biasiswa tersebut disaksikan oleh tetamu kehormat, Timbalan Menteri (Tenaga) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah.

Turut hadir, Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle dan pegawai-pegawai dari Kedutaan Besar Republik Rakyat China di Negara Brunei Darussalam, JPM dan Kementerian Pendidikan.

Majlis dimulakan dengan bacaan

Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Hengyi Industries, Xu Ye. Semasa majlis tersebut, Yang Mulia Timbalan Menteri (Tenaga) di JPM dan Xu Ye telah menyaksikan para pelajar UBD menandatangani perjanjian basiswa.

Acara diteruskan dengan lawatan ke Hengyi Industries, memberikan para pelajar melihat secara langsung operasi syarikat, sebelum diakhiri dengan sesi bergambar berkumpulan.

Majlis tersebut menandakan kumpulan ke-12 pelajar UBD mengikuti Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia dan Proses untuk dianugerahkan basiswa di bawah Program Biasiswa Bersama di mana ia merupakan satu inisiatif di bawah Hengyi Future-Ready yang bertujuan untuk melengkapkan belia tempatan dengan kemahiran dan peluang



YANG Mulia Timbalan Menteri (Tenaga) di Jabatan Perdana Menteri (JPM) hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyaksikan para pelajar Universiti Brunei Darussalam (UBD) menandatangani perjanjian biasiswa (atas dan atas kiri).

untuk menjadi generasi jurutera berkemahiran tinggi.

Sebagai sebahagian daripada program itu, para pelajar akan melanjutkan pengajian mereka di ZJU di Hangzhou, China selama satu tahun lima bulan, yang akan dibayai oleh biasiswa.

Sebelum ini, para sarjana ini telah berjaya menamatkan pengajian akademik selama satu tahun lima bulan di UBD. Sekembalinya, mereka akan

melengkapkan tahun terakhir mereka di UBD sebelum menjalani latihan *internship* selama enam bulan dengan Hengyi Industries.

Hengyi Industries akan menawarkan pelajar di bawah program ini peluang untuk bekerja sepenuh masa selepas tamat pengajian mereka. Sejak ditubuhkan pada Mac 2014, program biasiswa itu telah menganugerahkan sebanyak 202 biasiswa kepada pelajar UBD.

Sehingga kini, 112 orang sarjana telah menamatkan pengajian mereka dan kini bekerja di Hengyi Industries.

Melalui program ini, Hengyi Industries kekal komited untuk memupuk bakat tempatan dan menyumbang kepada visi negara untuk membangunkan individu yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya di bawah Wawasan Brunei 2035.

NBD terima pengiktirafan Anugerah ASEAN Tourism Standard 2025



Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kemajuan Pelancongan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Februari. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan menganjurkan Majlis Penyampaian Plak bagi memberi pengiktirafan kepada penerima Anugerah ASEAN Tourism Standard Negara Brunei Darussalam.

Pengiktirafan berprestij ini diberikan kepada organisasi Brunei sempena Forum Pelancongan ASEAN 2025 (ATF 2025) yang diadakan pada 20 Januari di Johor, Malaysia bertemakan 'Unity in Motion : Shaping ASEAN's Tourism Tomorrow'.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang diadakan di ruang tamu VIP, KSSUP itu ialah Setiausaha Tetap KSSUP, Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab.

Anugerah ASEAN Tourism Standard 2025 bertujuan untuk menggalakkan pertumbuhan dan kerjasama dalam rantau ini dengan mengiktiraf usaha yang menyumbang kepada kemakmuran ekonomi, kemajuan sosial dan pembangunan budaya.

Anugerah tersebut mengiktiraf dan menyokong perniagaan, organisasi dan individu yang menyumbang secara signifikan

untuk memajukan standard merentas sektor utama seperti perdagangan, industri, teknologi dan inovasi.

The Empire Brunei Spa diiktiraf sebagai penerima Anugerah Perkhidmatan Spa ASEAN Ke-3, manakala Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah mendapat pengiktirafan atas kecemerlangan mereka dalam Anugerah Standard Tandas Awam ASEAN Ke-3.

Sementara itu, Sumbiling Eco Village turut diberi penghormatan dengan Anugerah Pelancongan Berasaskan Komuniti ASEAN (CBT) dan Trueliving Spa and Studio dengan Anugerah Perkhidmatan Spa ASEAN Ke-3.

atas pencapaian cemerlang mereka semasa Majlis Anugerah ASEAN Tourism Standard 2025 yang berlangsung di Johor.

Majlis turut menyampaikan Sijil Penyertaan Program Pemantapan Pembekal Perkhidmatan Pelancongan bagi Tahun 2024 kepada lima peserta iaitu Taman Rekreasi MPK Herba Putat, IAM Food Enterprise, Oregano Enterprise, Persatuan Astronomi Brunei Darussalam dan Rumah Panjang Sibut.

Program Peningkatan Pembekal Perkhidmatan Pelancongan bertujuan untuk membimbing penyedia perkhidmatan pelancongan dalam meningkatkan produk dan perkhidmatan mereka

SETIAUSAHA Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) selaku tetamu kehormat Majlis Penyampaian Plak bagi memberi pengiktirafan kepada penerima Anugerah ASEAN Tourism Standard Negara Brunei Darussalam (kiri dan kiri sekali).

untuk memenuhi standard yang lebih tinggi.

Objektif program ini adalah untuk membantu penyedia perkhidmatan pelancongan mengenal pasti segmen pasaran utama, kekal sejarar dengan aliran semasa dan membangunkan tempat jualan yang tersendiri. Selain itu, ia memberi tumpuan kepada menambah nilai dan sentuhan peribadi untuk meningkatkan pengalaman pelawat.

Majlis ini bukan sahaja meraikan komitmen Negara Brunei Darussalam terhadap kecemerlangan dalam pelancongan tetapi juga menekankan dedikasinya untuk memupuk amalan pelancongan yang mampan dan bertanggungjawab, sejajar dengan visi ASEAN untuk sektor pelancongan yang bertenaga dan inklusif.

Untuk maklumat lanjut mengenai ASEAN Tourism Standard, pihak yang berminat boleh melayari www.tourism.gov.bn di bawah 'Maklumat tentang Perkhidmatan'.

BAHASA ARAB TERUS DIPERKASA



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) hadir selaku tetamu kehormat majlis berkenaan selaku wakil Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama semasa sesi bergambar ramai (atas), manakala gambar kanan, para ahli panel forum semasa menyampaikan pembentangannya.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 Februari. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Bahasa Arab (FBA) mengadakan Mu'tamar Bahasa Arab Kebangsaan 1446 Hijrah (MuBaAraK 1446H) sempena Sambutan Bulan Bahasa Arab di Negara Brunei Darussalam (NBD) yang diadakan pada setiap bulan Syaaban.

Mu'tamar ini merupakan anjuran bersama UNISSA, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Kementerian Pendidikan, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Brunei Darussalam dan Persatuan

Bahasa Arab Negara Brunei Darussalam.

Antara objektif MuBaAraK 1446H ini diadakan ialah bagi memantau perkembangan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab antara institusi di NBD, mengeratkan kerjasama pelbagai pihak di negara ini dalam mengembangkan peluang dan mutu pengajaran Bahasa Arab dalam mengukuhkan jati diri Negara Zikir dan seterusnya meningkatkan kesedaran terhadap bahasa Arab dan menarik minat masyarakat untuk mempelajarinya.

MuBaAraK 1446H ini merupakan kesinambungan MuBaAraK yang telah diadakan

pada tahun lalu yang dihoskan oleh KUPU SB. Tema bagi tahun ini ialah 'Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa Arab : Keistimewaan atau Keperluan?'.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Rosli bin Haji Ibrahim selaku wakil Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.

Dalam ucapan alu-aluan Pengurus Bersama MuBaAraK 1446H, Dr. Dayang Hajah Rafidah binti Haji Abdullah menekankan bahawa NBD melalui beberapa institusi adalah amat komited dalam memelihara dan memperkasa pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab bahkan ia menjadi salah satu komponen

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali



yang tidak terpisahkan daripada identiti Islam dan budaya di negara ini selain memainkan peranan penting dalam perkembangan ilmu dan ketamadunan.

Majlis diserikan dengan sesi forum yang terdiri daripada empat panel forum iaitu Pemangku Penolong Rektor (Penyelidikan dan Antarabangsa), UNISSA / Ra'es Persatuan Bahasa Arab Brunei Darussalam, Dr. Awang Haji Hambali bin Haji Awang Jaili; Ketua Unit Pendidikan Islam dan Bahasa Arab, Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Abd. Manaf dan Pegawai Pendidikan Ugama, Jabatan Pengajian Islam, KHEU, Dayang Martiniwati binti Haji

Ahmad serta Penolong Pensyarah, Pusat Bahasa Arab, (KUPU SB), Dayang Nurul Azimah binti Abdul Hamid yang merupakan para pencinta bahasa Arab daripada pelbagai institusi di negara ini dengan tajuk 'Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa Arab : Keistimewaan atau Keperluan?'.

Majlis juga diselajurkan dengan pengumuman Anugerah Tokoh Bahasa Arab 1446H iaitu Dato Seri Setia Ustaz Haji Kassim bin Haji Lamat. Acara ini diharapkan agar dapat menambahkan lagi minat para pencinta bahasa Arab, bahasa Al-Quran dan Al-Hadis bagi memartabatkan lagi pengukuhan Islam di negara ini dalam usaha sama mencapai Negara Zikir.

Muzakarah tingkatkan keselamatan, kesihatan di tempat kerja

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



DAERAH BRUNEI-MUARA DAN TEMBURONG
HARI RABU, 5 FEBRUARI 2025 / 6 SYA'BAN 1446 | THE RIZQUN INTERNATIONAL HOTEL



SETIAUSAHA Tetap (Perbandaran dan Daerah) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat pada sesi muzakarah berkenaan dan seterusnya menyertai sesi bergambar ramai (atas), sementara gambar kiri, Ketua Pegawai Eksekutif Pihak Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA) ketika berucap.

GADONG, Rabu, 5 Februari. - Pihak Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA) dan Bahagian Kesihatan Pekerjaan, Kementerian Kesihatan telah merekodkan sebanyak tiga kematian dan 131 kecederaan di tempat kerja sektor pembinaan pada tahun 2024.

Risiko kemalangan boleh dikurangi dan dicegah sekiranya aspek-aspek keselamatan dilaksanakan dengan teratur. Dalam hal ini, pihak SHENA dengan kerjasama pihak-pihak kerajaan dan swasta yang berkepentingan telah berusaha melalui beberapa pendekatan dan kaedah untuk meningkatkan keselamatan di tempat kerja.

Ketua Pegawai Eksekutif

SHENA, Awang Haji Muhsin bin Haji Ahmad berucap demikian pada Majlis Sesi Muzakarah bersama Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung Daerah Brunei dan Muara serta Daerah Temburong.

Terdahulu, beliau menjelaskan bahawa penghulu mukim dan ketua kampung diharapkan dapat memainkan peranan penting dalam memantau dan mengambil tindakan apabila berlaku sebarang tingkah laku pekerjaan yang tidak selamat seperti kerja-kerja pengubahsuaian atau pembinaan sama ada di premis-premis persendirian atau premis-premis awam.

"Keprihatinan dan tindakan segera *abisita* mampu menolong mencegah kemalangan di tempat kerja hatta menyelamatkan nyawa. Dalam sama-sama

menangani situasi ini, pihak SHENA mengalau-alukan *abisita* untuk segera melaporkan sebarang pekerjaan yang tidak selamat, khususnya yang melibatkan aktiviti kerja di Kawasan atau zon masing-masing.

"Pihak SHENA bersedia memberikan kerjasama dan komited untuk mengambil tindakan susulan yang munasabah. Bagaimanapun, makluman segera daripada pihak *abisita* adalah kunci utama untuk memastikan keberkesanan pencegahan dapat *kitani* realisasikan bersama, sekali gus dapat menangani isu keselamatan sebelum ianya menjadi lebih serius dan parah," ujar beliau.

Kepimpinan dan kewibawaan para penghulu dan ketua kampung akan membimbing penduduk dan

masyarakat sekeliling untuk mengamalkan sikap yang lebih berwaspadai dan bertanggungjawab bukan sahaja dalam konteks di tempat kerja malah juga dalam kehidupan sehari-hari jelasnya lagi.

Sesi Muzakarah bersama Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung itu merupakan anjuran SHENA dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) yang berlangsung di The Rizqun International Hotel, Gadong, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Setiausaha Tetap (Perbandaran dan Daerah) KHEDN, Awang Abdul Walid bin Haji Matassan.

Sesi Muzakarah ini turut menekankan pendekatan Whole of Nation dalam merealisasikan

Wawasan Brunei 2035. Melalui kerjasama yang diperkuuh merentasi pelbagai lapisan masyarakat, kesihatan dan keselamatan, kesihatan dan penjagaan alam sekitar dapat dicapai dengan lebih berkesan.

Kepimpinan penghulu mukim dan ketua kampung memainkan peranan penting dalam membudayakan sikap berwaspadai dan tanggungjawab di seluruh komuniti.

SHENA kekal komited untuk terus bekerjasama dengan semua pihak berkepentingan dalam menegakkan dan meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan, termasuk keselamatan radiasi. Persekitaran yang selamat, sihat dan harmoni dapat diwujudkan untuk semua dengan melalui kerjasama yang teguh dan penglibatan aktif masyarakat.

BN40 GIGAPIXEL PHOTOGRAPHY : PAMER KEPELBAGAIAN BUDAYA, WARISAN NBD



BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 7 Februari. - Pameran BN40 Gigapixel Photography

Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-40 di Galeri Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja.

Hadir merasmikan Pameran BN40 Gigapixel Photography berkenaan, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah.

Penggambaran selama 25 hari di Bandar Seri Begawan (BSB), projek BN40 Gigapixel menampilkan ribuan orang yang mewakili kepelbagaian budaya, warisan dan kemajuan NBD. Ia juga merakamkan 88 adegan unik yang menggambarkan kehidupan NBD pada 2024.

Pameran berkenaan termasuk perarakan Pengantin Diraja, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam, bergerak melalui BSB; Lawatan Negara Presiden Republik Singapura yang menonjolkan kepentingan antarabangsa NBD dan sebuah himpunan yang kaya tentang masa lalu dan masa depan NBD, daripada warisan budaya hingga tenaga dinamik para belia.

Imej yang dirancang dan dilaksanakan dengan teliti berkenaan bukan sahaja sebagai penghormatan kepada 40 tahun kemerdekaan NBD tetapi juga sebuah arkib visual abadi untuk generasi akan datang yang



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa hadir di Pameran BN40 Gigapixel Photograph dan seterusnya menyaksikan pameran (atas dan atas kiri). Sementara gambar bawah, antara yang hadir pada pameran berkenaan.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

membolehkan orang ramai dalam 40, 80, atau ratusan tahun dari sekarang melangkah ke masa lalu, dan menyaksikan NBD seperti pada tahun 2024.

Dikonsep oleh Pengasas Avantist Watches dan Dart, Keeran Janin, projek bercita-cita tinggi berkenaan dihidupkan dengan kepakaran pasukan antarabangsa dan tempatan, termasuk jurugambar dari Kanada yang memenangi anugerah, Chris Collacot.

Projek BN40 Gigapixel adalah inisiatif pertama di dunia yang

menggabungkan fotografi terkini dan penceritaan budaya untuk mencipta foto kumpulan terbesar yang pernah diambil. Dilihaskan oleh Keeran Janin, projek berkenaan menyatakan rakyat, budaya, dan sejarah NBD dalam imej resolusi ultra-tinggi, merayakan Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-40.

Orang ramai dialu-alukan untuk hadir menyaksikan pameran tersebut yang diadakan di Galeri Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja bermula hari ini sehingga 7 Mac 2025.



Pelancaran Buku 'Kampong Batong : Lain Dulu, Sekarang Lain'



PENGETUA Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan pelancaran buku berkenaan (atas dan atas kanan).

MUKIM PENGKALAN BATU, Jumaat, 7 Februari. - Bagi mengongsikan sejarah perjalanan liku-liku kehidupan masyarakat

Kampong Batong, yang dahulunya terletak di pedalaman, jauh daripada unsur kemodenan, dan kini telah berkembang menjadi

sebuah penempatan yang setara dengan kampung-kampung lain, sebuah buku bertajuk 'Kampong Batong : Lain Dulu, Sekarang Lain' diterbitkan, dan ia merupakan hasil tulisan Dato Paduka Haji Ishaq bin Haji Abdullah.

Buku yang mengandungi tujuh bab berkenaan disusun dengan teliti dan rapi oleh penulis bagi menggambarkan dengan jelas bagaimana Kampong Batong melalui proses perubahan yang panjang, bermula daripada asal usulnya, tradisi, ekonomi, adat budaya hingga kepada perkembangan prasarana dan kemudahan moden.

Sehubungan dengan itu, Majlis Pelancaran Buku 'Kampong Batong : Lain Dulu, Sekarang Lain' diadakan di kediaman penulis sendiri, bertempat di No. 430, Darul Effa, Kampong Batong, Jalan Kulapis-Batong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan pelancaran buku berkenaan, Pengetua Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong.

Dr. Haji Muhammad Hadi ketika berucap menyatakan, dalam buku yang mengandungi 282 muka surat berkenaan, penulis telah berjaya menggambarkan dengan jelas bagaimana Kampong Batong melalui proses perubahan yang panjang, bermula daripada asal usulnya, tradisi, ekonomi, adat budaya, hingga kepada



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

perkembangan prasarana dan kemudahan moden.

Menurutnya lagi, buku 'Kampong Batong : Lain Dulu, Sekarang Lain' ini bukan sekadar sebuah catatan sejarah, tetapi ia adalah amal jariah yang berkekalan.

Tambahnya, ia menjadi medium untuk memelihara warisan dan budaya agar dapat difahami dan dihargai oleh generasi muda pada masa kini dan pewaris masa depan.


"Pengarang buku ini bukan hanya mengisahkan dan mengetengahkan pengalaman Kampong Batong dan masyarakatnya mengharungi perjalanan dari sebuah kampung yang jauh terpencil di pedalaman menjadi sebuah kampung yang mempunyai kemudahan dan

kecukupan yang setara dengan kampung lain, tetapi lebih daripada itu.

"Walaupun penulisan ini belum merapusi apa yang ada di kampung ini, namun yang jauh lebih bernilai ialah pemikiran yang diungkapkannya mengetuk pemikiran setiap pembaca untuk menafsir dan merungkainya."

"Pengarang buku ini juga telah berjaya membawa pembaca bersama menyusuri pengalaman yang amat berharga yang terungkap dalam buku ini," ujarnya lagi.

Dengan penerbitan buku berkenaan, ia diharap dapat menggamit hati para pengkaji dan pihak tertentu untuk mengkaji dan mengenali Kampong Batong dan menjadikan buku berkenaan sebagai titik pemula kajian-kajian yang lain.



BUKU bertajuk 'Kampong Batong : Lain Dulu, Sekarang Lain' yang telah dilancarkan.

Memeduli dan menyayangi anak yatim tanggungjawab bersama



BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'alā dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'alā itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'alā, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Agama Islam adalah agama yang menyuruh umatnya untuk hidup saling bantu-membantu dan tolong-menolong kerana Islam adalah agama yang mementingkan hubungan yang baik. Maka dengan cara demikian akan dapat menjadikan umat Islam sebagai umat yang kuat dan bersatu padu, dapat menimbulkan perasaan hormat-menghormati dana sayang-menyesayangi tanpa mengira keluarga, kaum kerabat, rakan, jiran mahupun orang yang tidak dikenali. Salah satu cara untuk melaksanakan konsep tolong-menolong atau bantu-membantu ialah dengan amalan bersedekah.

Melalui amalan sedekah dapat melatih

jiwa seseorang itu untuk menjadi orang yang belas kasihan, berkasih sayang, jauh daripada bersifat pentingkan diri sendiri dan sebagainya. Bersedekah juga adalah salah satu cara membelanjakan harta pada jalan Allah Subhanahu Wata'alā. Ini kerana tujuan seseorang bersedekah itu adalah atas dasar untuk mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'alā.

Bersedekah sama ada dengan wang ringgit atau lainnya merupakan amalan mulia yang memberi keuntungan kepada orang yang mengeluarkannya dan orang yang menerimanya. Orang yang bersedekah mendapat balasan pahala, sementara bagi orang yang menerima pula dapat menggunakan sedekah tersebut bagi memenuhi keperluan hidupnya. Pada hakikatnya, harta yang disedekahkan bukannya berkurstang, malahan Allah Subhanahu Wata'alā akan menggantikan dan menambah hartanya dengan berlipat kali ganda. Firman Allah Subhanahu Wata'alā dalam Surah Al-Hadid, ayat 18 :

Tafsirnya : "Sesungguhnya orang-orang yang bersedekah laki-laki dan perempuan serta (mahu) memberikan pinjaman kepada Allah sebagai pinjaman yang baik (dengan membelanjakan harta pada jalan Allah) akan digandakan ganjaran kepada mereka dan mereka akan beroleh pahala yang banyak".

Bersedekah merupakan salah satu cara untuk membantu golongan yang kurang berkemampuan dan yang memerlukan bantuan seperti golongan fakir dan miskin, termasuklah juga anak-anak yatim. Mengenai anak-anak yatim ini, agama Islam adalah sangat mengambil berat tentang hal ehwal dan kebajikan mereka. Justeru, adalah menjadi tanggungjawab kita semua untuk mengambil berat terhadap anak-anak yatim lebih-lebih lagi orang yang dipertangungjawabkan untuk menjaga anak yatim tersebut.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis Baginda telah memberitahu tentang kedudukan yang mulia di syurga orang yang menjaga anak yatim. Daripada Abu Hurairah Radiallahu Anhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Penjaga anak yatim daripada kerabat atau bukan kerabatnya, saya dan penjaga itu adalah seperti dua jari ini di dalam syurga. Malik (periwayat hadis) mengisyaratkan dengan jari telunjuk dan jari hantu". (Hadis Riwayat Imam Muslim)

Selain itu, kita juga diperintahkan untuk bersikap lemah lembut dan berbuat baik kepada anak yatim. Firman Allah Subhanahu Wata'alā dalam Surah Al-Baqarah, ayat 83 :

Tafsirnya : "Dan berbuat baiklah kepada ibu bapa, kaum kerabat dan anak-anak yatim serta orang-orang miskin".

Sesungguhnya ganjaran yang diberikan terhadap perlakuan baik kepada mereka amat besar di sisi Allah Subhanahu Wata'alā. Adapun satu daripada perlakuan baik terhadap anak yatim itu ialah dengan menghulurkan bantuan kepada mereka lebih-lebih lagi bagi anak-anak yatim yang hidup susah dan tidak mendapat penjagaan yang sewajarnya. Bantuan yang dihulurkan sama ada berupa wang ringgit atau barang-barang keperluan bukan sahaja dapat mengurangkan beban mereka, bahkan juga dapat menimbulkan kebahagiaan dan kegembiraan di hati mereka.

Alhamdulillah, masyarakat kita masih kaya dengan sifat kasih sayang, simpati dan bertanggungjawab terhadap anak-anak yatim. Banyak pihak berusaha untuk mengumpulkan dana bagi memberi bantuan kepada mereka sama ada daripada pihak kerajaan, swasta ataupun persendirian. Banyak kemudahan juga disediakan untuk kita menghulurkan sedekah atau derma, antaranya melalui khidmat pesanan ringkas

(SMS), iaitu Projek SMS Brunei Prihatin bagi Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah untuk Anak-anak Yatim yang telah dibuka selama sembilan bulan mulai 2 Disember 2024 yang lalu sehingga 2 September 2025.

Projek tahunan ini merupakan salah satu usaha dana bagi memudahkan orang ramai untuk menghulurkan sumbangan mereka melalui perkhidmatan SMS bagi sama-sama membantu anak-anak yatim di Negara Brunei Darussalam.

Memandangkan bersedekah atau menderma adalah amalan mulia dan dijanjikan ganjaran yang sangat besar, marilah kita melazimkan diri untuk bersedekah atau menderma, tidak kira sama ada banyak atau sedikit, apa yang penting adalah niat yang ikhlas kerana Allah Subhanahu Wata'alā. Mudah-mudahan segala yang kita infakkan dan dermakan dengan tulus ikhlas diterima oleh Allah Subhanahu Wata'alā dan dengannya rezeki kita semakin bertambah, berkat, mendapat keredaan dan rahmat yang berpanjangan daripada Allah Subhanahu Wata'alā. Amin Ya Rabbal Alamin.

Tafsirnya : "(Mengenai urusan-urusan kamu di dunia dan di akhirat. Dan mereka bertanya lagi kepadamu (wahai Nabi Muhammad mengenai anak-anak yatim. Katakanlah (kepada mereka) : Memperbaiki keadaan mereka amatlah baik. Dan jika kamu bercampur gaul dengan mereka (tidak ada salahnya) kerana mereka ialah saudara-saudara kamu (yang seagama). Dan Allah Mengetahui orang yang membuat kerosakan (pada harta benda mereka) daripada orang yang hendak memperbaikinya. Dan jika Allah menghendaki tentulah Dia memberatkan kamu (dengan melarang kamu bercampur gaul dengan mereka). Sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana". (Surah Al-Baqarah, ayat 220)

Tambahan PCV dalam Program Perluasan Imunisasi Kebangsaan

■ Siaran Akbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 Februari. - Kementerian Kesihatan baru-baru ini memaklumkan mengenai tambahan Vaksin Konjugat Pneumokokal (Pneumococcal Conjugate Vaccine-PCV) ke dalam Program Perluasan Imunisasi Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang bermula pada 1 Februari 2025.

Tambahan berkenaan adalah salah satu komitmen Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan

Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk melindungi anak damit dan kanak-kanak daripada penyakit Pneumokokal.

Dengan penambahan vaksin berkenaan, kini terdapat 12 jenis produk vaksin dalam Program Perluasan Imunisasi Kebangsaan untuk mencegah 12 penyakit cegahan vaksin (*vaccine preventable diseases*).

Pengenalan PCV dalam Program Perluasan Imunisasi Kebangsaan adalah selaras dengan saranan

Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) untuk meningkatkan perlindungan terhadap jangkitan pneumokokal dalam kalangan kanak-kanak.

Ini menekankan komitmen kerajaan untuk melindungi kesihatan dan kesejahteraan kanak-kanak di negara ini daripada penyakit yang boleh dicegah dengan vaksin, serta menyokong visi negara untuk masa depan yang lebih sihat.

PCV adalah vaksin yang boleh melindungi daripada jangkitan bakteria *Streptococcus Pneumoniae*. Jangkitan pneumokokus merupakan salah

satu penyebab utama kepada penyakit serius seperti jangkitan paru-paru (pneumonia), keradangan otak (meningitis), dan jangkitan dalam aliran darah (septicaemia), terutamanya dalam kalangan kanak-kanak berumur di bawah lima tahun.

Vaksinasi yang di bawah Program Perluasan Imunisasi Kebangsaan, akan diberikan secara percuma untuk semua anak damit dan kanak-kanak yang menetap di negara ini di semua Klinik Kesihatan Ibu dan Anak di bawah Kementerian Kesihatan.

Vaksin berkenaan akan diberikan mengikut jadual tiga dos, pada usia dua bulan, empat bulan, dan 12 bulan sebagai sebahagian daripada

jadual imunisasi rutin.

Program imunisasi susulan (*catch-up*) bagi PCV juga akan dilaksanakan mulai Februari 2025, khusus untuk anak damit dan kanak-kanak yang lahir dari Februari 2023 hingga Januari 2025.

Ibu bapa bagi anak damit dan kanak-kanak daripada kumpulan kelahiran berkenaan akan dihubungi oleh Klinik Kesihatan Ibu dan Anak masing-masing untuk mendapatkan vaksinasi PCV bagi anak mereka.

Untuk maklumat dan perhubungan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Kementerian Kesihatan melalui Talian +673 2380485, e-mel ke corp.comms@moh.gov.bn, atau Talian Darussalam 123.

PENTING

IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP

- ✗ Permohonan tidak akan diproses.
- ✗ Maklumat yang dihadapkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.


Laman Utama > Dashboard Saya > Status Permohonan Kerja


SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR

- ⚠ DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR
 - ✗ Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemaskini pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
 - ✗ Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education and lain-lain
 - ✗ Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap. memasukkan tanga gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
 - ✗ Tidak mengemaskini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.

⚠ Sila sahkan bahawa maklumat di dalam profil adalah lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan bagi jawatan yang dipohon.

✓ Memahami bahawa maklumat **profil yang tidak lengkap, kemaskini, betul dan teratur** semasa menghadapkan permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak menepati kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya **permohonan tidak akan diproses**.



PUNCAK PERKHIDMATAN AWAM



جامعة حلال إل سوار مسجد
JABATAN HAL EHWAL MASJID,
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Memeduli dan Menyayangi Anak Yatim Tanggungjawab Bersama

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 8 Sya'ban 1446H/7 Februari 2025M

Amalan Sedekah

Salah satu cara untuk:

- Membelanjakan harta pada jalan Allah SWT
- Membantu golongan yang kurang berkemampuan dan yang memerlukan

Dapat melatih jiwa seseorang itu untuk menjadi orang yang:

- Belas kasihan
- Berkasih sayang
- Jauh dari bersifat pentingkan diri sendiri

Anak yatim

Apa yang boleh kita buat:

- Bersikap lemah-lembut dan berbuat baik kepada mereka
- Hulurkan bantuan kepada mereka lebih-lebih lagi bagi anak-anak yatim yang hidup susah dan tidak mendapat penjagaan yang sewajarnya
- Bersedekah atau berderma dengan niat yang ikhlas kerana Allah SWT



Projek SMS Brunei Prihatin bagi Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim

Telah dibukakan selama sembilan bulan bermula **2 Disember 2024** yang lalu sehingga **2 September 2025**

KEISTIMEWAAN IBADAH SEMBAHYANG PERLU DIJAGA, DIPELIHARA



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) semasa hadir sebagai wakil peribadi Pemangku Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi pada Majlis Sambutan Israk dan Mikraj bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi bagi MTIC (atas). Manakala gambar kanan, Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiyah (PDI) semasa menyampaikan ceramah pada majlis berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Februari. - Mukjizat teragung Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam antaranya ialah Peristiwa Israk dan Mikraj di mana Baginda Rasulullah dibawa naik ketujuh lapisan langit menemui beberapa orang rasul Alaihimussalam dan seterusnya ke Sidratulmuntaha untuk menerima perintah kefariduan sembahyang lima waktu.

Justeru, tema sambutan kali ini iaitu 'Sembahyang Mencerdaskan

Minda' telah terbukti berdasarkan kajian-kajian yang telah dibuat bahawa sembahyang serta pergerakan-pergerakan yang dilakukan di dalamnya dapat memberikan kesihatan kepada tubuh badan dan mampu mencerdaskan minda adalah sesuai.

Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiyah (PDI), Awang Haji Muhammad Naqib bin Haji Awang menjelaskan demikian semasa menyampaikan ceramah hari ini pada Majlis

Sambutan Israk dan Mikraj bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi bagi Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) dan jabatan - jabatan serta agensi-agensi pihak berkuasa di bawahnya.

Menurut Awang Haji Muhammad Naqib lagi, terdapat keistimewaan - keistimewaan sembahyang yang tidak terdapat pada ibadat-ibadat lain yang menjadikan ibadat sembahyang ini perlu dijaga dan dipelihara.

"Dengan demikian insyaaAllah

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

kita akan mendapat kebahagiaan serta kejayaan di dunia dan seterusnya di akhirat. Akan tetapi perlu diingat bahawa orang Islam melakukan sembahyang dan ibadah-ibadah lainnya bukan kerana hikmah atau kelebihannya, bahkan segala ibadah yang dilakukan adalah semata-mata kerana Allah Subhanahu Wata'alaa," tegasnya lagi.

Hadir pada majlis tersebut, Setiausaha Tetap MTIC, Ir. Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof sebagai wakil peribadi Pemangku Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin. Majlis berlangsung di Dewan Amar Pahlawan, kementerian berkenaan dikelolakan oleh Maritime and Port Authority of Brunei Darussalam (MPABD).

Seterusnya, bacaan Surah Al-Fatihah memulakan acara dipimpin oleh Imam Surau Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas, Awang Haji Mohammad Aduka bin Haji Abdul.

Objektif majlis sambutan antaranya untuk sama-sama mengimarahkan dan memperingati peristiwa bersejarah Israk dan Mikraj Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan bagi mengeratkan lagi hubungan



silaturahim di antara warga Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan jabatan-jabatan serta agensi-agensi pihak berkuasa di bawahnya.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi), Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan), ketua - ketua jabatan, ketua eksekutif serta pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan jabatan-jabatan serta agensi-agensi pihak berkuasa di bawahnya.

Majlis Khatam Al-Quran raikan Pelatih Polis Konstabel Lelaki, Wanita Skuad 1/2023



SEKITAR Majlis Khatam Al-Quran yang berlangsung di Dewan Bankuet Mes, Ibu Pejabat Polis Gadong (bawah).



Awang Haji Suut.

Pelatih-pelatih Rekrut Skuad 1/2023 ini akan menamatkan latihan kepolsian dengan Upacara

Perbarisan Tamat Latihan yang akan diadakan pada 13 Februari 2025 bertempat di Padang Kawad Besar PLP.

PEMANGKU Timbalan Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Yang Amat Mulia SAC Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris dan isteri hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran yang diungkayahkan oleh Pusat Latihan Polis (PLP) (atas dan atas kanan).

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

GADONG, Khamis 6 Februari. - Seramai 86 Pelatih Polis Konstabel Lelaki dan Wanita Skuad 1/2023 diraikan pada Majlis Khatam Al-Quran yang diungkayahkan oleh Pusat Latihan Polis (PLP), berlangsung di Dewan Bankuet Mes, Ibu Pejabat Polis Gadong.

Majlis diadakan sebagai salah satu program sebelum perbarisan tamat latihan bagi pelatih-pelatih rekrut lelaki dan wanita Skuad 1/2023 Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB).

Majlis tersebut diserikan dengan kehadiran tetamu kehormat, Pemangku Timbalan Pesuruhjaya

Polis, PPDB, Yang Amat Mulia SAC Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris dan isteri.

Turut hadir, pengarah-pengarah, timbalan - timbalan pengarah, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai, keluarga - keluarga pelatih para pelatih rekrut yang diraikan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai diikuti dengan bacaan Khatam Al-Quran diketuai oleh Rekrut 7120 Md. Nadzri bin Haji Abdul Mutalib.

Kemudian majlis diteruskan

dengan bacaan Takhtim Al-Quran diketuai oleh Rekrut 7127 Mohd Noorzikry bin Norariffin dan seterusnya bacaan Dikir Marhaban yang dipimpin oleh Rekrut 7107 Muhammad Faiz Saifullah bin Rosli dan diselanjurkan dengan acara merenjis minyak wangi oleh tetamu kehormat dan diikuti oleh jemputan-jemputan yang hadir.

Para Pelatih Polis Konstabel Lelaki Skuad 1/2023 juga tidak melepaskan peluang untuk menyampaikan cenderamata kenang-kenangan kepada tetamu kehormat dan isteri.

Acara diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Rekrut 7121 Muhammad Akmal Hakim bin



MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURIAH TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

1 Teliti Skim Iklan sebelum memohon.

2 Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.



1 Lengkapkan Profil PSCR 2.0 (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)

2 Lengkapkan Kelulusan (Departemen / pangkat serta tahuk / bidang kelulusan)

3 Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap (Sj. transkrip dari pengurusan Majlis Kelangsungan Pengiktirafan Kedudukan (MOKK) yang berkenaan)

4 Tandakan "✓" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengisian Kerja Kerajaan".

5 Lengkapkan Maklumat (Barisan / pekerjaan / Pengurusan Perkhidmatan Awam / Sebut-bahru / pelajaran profesional dan lain-lain yang diperlukan di dalam skim)

+673 7371961

PSC.BN

query@spa.gov.bn



Teliti WhatsApp: Suruhanjaya Perkhidmatan Awam



PSC.BN

JAWATAN, TANGGA GAJI DAN BILANGAN IKLAN		URUS SETIA PENGAMBILAN	KEKOSONGAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
1. PEGAWAI PELAJARAN KANAN G.15 (BAHAGIAN II) PEJABAT MENTERI PENDIDIKAN, KEMENTERIAN PENDIDIKAN 2025/JAN/04/KPDK	KEMENTERIAN PENDIDIKAN	01	38(A)	15 FEBRUARI 2025	
2. PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA KANAN B.3 (BAHAGIAN II) JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN 2025/JAN/08/KPBG	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	01	38(B)	15 FEBRUARI 2025	
3. JURUTERA SISTEM B.2 / B.2 EB.3 (BAHAGIAN II) PUTUS KEBANGSAAN E-KERJAAN, KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI 2025/JAN/01/KPI	KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI	03	7(A)	15 FEBRUARI 2025	
4. PENOLONG PEGAWAI PROJEK TINGKAT II C.2 EB.3 (BAHAGIAN III) PEJABAT DAERAH TEMBURONG, KEMENTERIAN HAL EHWAH DALAM NEGERI 2025/JAN/13/KHDN	KEMENTERIAN HAL EHWAH DALAM NEGERI	01	7(A)	15 FEBRUARI 2025	
5. PEMBANTU BANDARAN D.1-2-3 EB.4-5 (BAHAGIAN IV) JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN, KEMENTERIAN HAL EHWAH DALAM NEGERI 2025/JAN/10/KHDN	KEMENTERIAN HAL EHWAH DALAM NEGERI	01	7(A)	15 FEBRUARI 2025	
6. PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT II B.2 EB.3 (BAHAGIAN II) PEJABAT PEGAWAI NEGARA JABATAN PERDANA MENTERI 2025/JAN/11/JPM	JABATAN PERDANA MENTERI	01	7(A)	17 FEBRUARI 2025	
7. PENDAFTAR TANAH C.3-4 EB.5 (BAHAGIAN III) JABATAN TANAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN 2025/JAN/09/KPBG	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	02	7(A)	17 FEBRUARI 2025	
8. PEKERJA AM F.1-2-3-4 EB.6 (BAHAGIAN V) KEMENTERIAN HAL EHWAH LUAR NEGERI 2025/JAN/01/KHLN	KEMENTERIAN HAL EHWAH LUAR NEGERI	01	7(A)	17 FEBRUARI 2025	

PERINGATAN:
 1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
 2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIILAKUKAN DI BAWAH PERATURAN (A) SAHAJA.
 3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZAM BOLEH DIPEROLEH DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN



Dibuka Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Di Negara Brunei Darussalam

Kelas:
II, III, IV & V

Kategori:
S02

Tarikh Buka Tawaran pada:
20 Januari, 2025.
(Isnin)

Tarikh Akhir Mengambil



Dokumen Tawaran:
11 Februari 2025.
(Selasa)

Tarikh Tutup Pada:
18 Februari, 2025.
(Selasa)
Sebelum
Jam 2.00 Petang.

(Ditutup di
Pejabat Lembaga Tawaran Kecil,
di Tingkat Bahawang Bangunan



Iklan Sebut Harga

Bilangan Tawaran:
(02) JBS / ADM / QC / 2025

Keterangan:
1 Year Laundry Contract Service Sport Medicine and Research Centre

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup:
20 Februari 2025.



Bilangan Sebut Harga:
S01 / HK-41 / 2025 / BUKUTAKHTIM / KKBS / UP

Tajuk Sebut Harga:
Mencetak Dan Menghantar Buku Bacaan Takhtim Dan Doa Bagi Majlis Khatam Al-Quran 41 Kali Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41 Bagi Tahun 2025

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis
13 Februari 2025
Jam 2.00 Petang



Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam)

JASTRE / BL / T015 / 2024
Servis Kerja-Kerja Pemotongan Rumput Di Kawasan Daerah Brunei Muara Bagi Tempoh Dua (2) Tahun (FSOR).

No. Projek:
JASTRE / BL / T015 / 2024

Jumlah Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)



Jemputan Untuk Memberi Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / PDP / 087 / 2024

Tajuk:
Maintenance of Street Lighting In Belait District For A Period Of Two (2) Years

Tarikh Tutup:
25 Februari 2025.
Selasa,
Jam 2.00 Petang.

Harga Dokumen:
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup :
Tender Box
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri Bangunan Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan, BB3913 Negara Brunei Darussalam.

Kelayakan:
Mempunyai pendaftaran syarikat dengan Kementerian Pembangunan dalam

Kelas 3, 4 atau 5 sahaja, dalam Kategori E01 dan E02 dan mempunyai pekerja yang berdaftar dengan JPE dalam kategori E01 dan E02 serta logistik (kenderaan) yang bersesuaian.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh dari Kaunter Unit Tawaran dan Sebutharga, Tingkat 4, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Perhatian:
Sila sertakan salinan "Business Names Enactment, 1958 - Section 16 & 17", sijil pendaftaran pemborong (MOD), sijil Tabung Amanah Pekerja, "TAP Employer Contribution" dan 'Certificate of Tax Compliance' semasa menghantar dokumen ini ke Jabatan Perkhidmatan Elektrik



Jemputan Untuk Memberi Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik Negara Brunei Darussalam

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JPE / LTK / JAN / 095 / 2024 Supply and Delivery of Nippon Metal Touch Ball Valve TYPE102F-HN (Purge Air Valve VA13) And Piston Rotary Actuators Type 1066SR (20GN Secondary Gas) For GTGH #3 at Gadong Power Station 1A

Tarikh Tutup:
25 Februari 2025.
Selasa,
Jam 2.00 Petang.

Yuraan Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup :
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan, BB3913 Negara Brunei Darussalam.

Kelayakan:
Pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Kategori P05

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh dari Tingkat 4, Bangunan Ibu Pejabat, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, di atas pengawasan Unit Tawaran, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Negara Brunei Darussalam.

Perhatian:
Sila bawa salinan Sijil Pendaftaran semasa mengambil Dokumen di Kaunter Tawaran di Tingkat Empat (4) Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.





**JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN**

Tawaran Tapak Bagi
Menjalankan Perusahaan Bunga
Keratan Menggunakan
Teknologi Tinggi / Moden,
Seluas 1 Hektar,
Daerah Brunei Dan Muara

Bilangan :
03 / 2025

Tawaran bagi mempelawa
pengusaha-pengusaha untuk
menghadapkan permohonan
bagi menyewa tapak
di Kawasan Kemajuan Pertanian
(KKP) seperti berikut :-

Lokasi:
Kawasan Kemajuan Pertanian
(KKP) Betumpu
Daerah Brunei dan Muara.

Keterangan
Pondok:
7-2

Syarat:
Bagi menjalankan kegiatan
perusahaan bunga keratan
(*cut flowers*)
menggunakan teknologi tinggi /
moden (*greenhouse*, fertigasi,
pengairan titis)

Tempoh iklan:
2 minggu

Tarikh
mula iklan:
Sabtu,
8 Februari 2025.

Tarikh
berakhir iklan:
Sabtu,
22 Februari 2025.

Tarikh
akhir menghantar :
Isnin,
24 Mac 2025.
Sebelum jam
11.00 Pagi

Harga
penjualan borang:
BND1.00 / borang



Tawaran Tapak Bagi
Menjalankan Perusahaan Bunga
Keratan Menggunakan
Teknologi Tinggi / Moden,
Seluas 1 Hektar,
Daerah Brunei Dan Muara

Bilangan :
02 / 2025

Tawaran bagi mempelawa
pengusaha-pengusaha untuk
menghadapkan permohonan bagi
menyewa tapak di Kawasan
Kemajuan Pertanian (KKP)
seperti berikut :-

Lokasi:
Kawasan Kemajuan Pertanian
(KKP) Limpaki,
Daerah Brunei dan Muara.

Keterangan
Pondok:
A3

Syarat:
Bagi menjalankan kegiatan
perusahaan bunga keratan
(*cut flowers*) menggunakan
teknologi tinggi / moden
(*greenhouse*, fertigasi,
pengairan titis)

Tempoh iklan:
4 minggu

Tarikh
mula iklan:
Sabtu,
8 Februari 2025.

Tarikh
berakhir iklan:
Sabtu,
22 Februari 2025

Tarikh
akhir menghantar :
Isnin,
24 Mac 2025.
Sebelum jam
3.00 Petang.

Harga
penjualan borang :
BND1.00 / borang



IKLAN



**JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

Tawaran:
JPH / 1207-003 / TAW /
394 / 2024-2025
Membekal Anak Benih Hutan
Bagi Projek Penghijauan
di Zon A, Hutan Simpan Berakas
Dibukakan kepada penender-
penender yang berdaftar
di Kementerian Pembangunan
dalam Kelas II ke atas

**Borang Pendaftaran
Syarikat
(jika belum berdaftar):**
BND10.00

Borang Tawaran:
BND15.00

Yuran Tawaran:
JPH / 1207-003 / TAW /
394 / 2024-2025

Membekal Anak Benih Hutan Bagi
Projek Penghijauan Di Zon A,
Hutan Simpan Berakas –
BND105.00

-Tidak Dikembalikan-

**JPH / 1207-003 / TAW /
395 / 2024-2025**
Projek Penghijauan Di Zon A,
Hutan Simpan Berakas –

BND105.00
-Tidak Dikembalikan-
Tarikh
Tutup Tawaran:
Sabtu,
18 Februari 2025.
2.00 Petang.

Tawaran:
JPH / SD09A / 001002 / 2115 /
TAW390 / 2024-2025
Membina Bangunan Opis
Taman Rekreasi Hutan
Bukit Patoi, Daerah Temburong

**Borang Pendaftaran Syarikat
(Jika belum berdaftar):**
BND10.00

Borang Tawaran:
BND15.00

Yuran Tawaran:
BND35.00

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 11 Februari 2025.
2.00 Petang.



Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0058 / 2024

Tajuk Sebut Harga:
Daily General Cleaning Services
at Headquarters, Department of
Fisheries for The Period of
Twelve (12) Months

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0059 / 2024

Tajuk Sebut Harga:
Cleaning Services at Temburong
District Fisheries Office, Labu And
Ujung Jalan Control Post Office for
Period of Twelve (12) Months,
Department of Fisheries

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0060 / 2024

Tajuk Sebut Harga:
Kerja-Kerja Perkhidmatan
Pembuangan Dan Pengangkutan
Sampah Untuk Tempoh Selama
Dua Belas (12) Bulan Bagi
Jabatan Perikanan

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0061 / 2024

Tajuk Sebut Harga:
Operate and Maintenance
Services of Raw Sea Water Pump
System at Serasa Pump House
and Broodstock Development
Centre (BDC) Reservoir Pond
Pump For Period Of Twelve (12)
Months, Department Of Fisheries

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0062 / 2024

Tajuk Sebut Harga:
Operate and Maintenance
Services of Raw Seawater Pump
System at Keramut Telisai Tutong
Station, Department of Fisheries
for Period of Twelve (12) Months

**Tarikh Tutup
Sebut Harga :**
Khamis,
20 Februari 2025.
Jam 2.00 Petang.



PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN)

DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*)
hendaklah dihantar dan diterima oleh
Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK
kurang dari empat (4) minggu dan
Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari
dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan
dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah
dibaca menggunakan **Microsoft Word**
dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang
Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar
menggunakan **BAHASA MELAYU
SAHAJA**.

- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah
dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA
DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



JABATAN AUDIT JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Dan Tajuk Tawaran :
AUD / BPK / UE / Q&T /
2024-2025 / 03
Mengganti Sistem Talian
Telephone NEC SV-9100 IP PABX
System Di Jabatan Audit,
Bangunan Bahirah,
Jalan Dewan Majlis,
Negara Brunei Darussalam.

Perkara:
To Supply NEC SV9100IP PABX
System C/W:

- 08 UNN Lines / 200 Analog Extension Port / 08 Digital Extension Port.
- 3X Chassis Inclusive of Power Supply Unit and Battery Charger.
- Auto Attendant; Port Capacity License.
- 19' Rack Cabinet.
- Backup Batteries 06 Units 9AH / 12VDC Inclusive Backup Cable Installation, Commissioning and Testing.

Jumlah:
1 Lot

Perkara:
NEC DTK-12D 12 – Keys Digital Telephone Set with Speakerphone and LCD Display

Jumlah:
7

Perkara:
NEC DTZ-24D 24-Keys Digital Telephone Set with Speakerphone

and LCD Display

Jumlah:
1

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 25 Februari 2025
Jam 2.00 Petang



Perkara:
To Supply NEC SV9100IP PABX System C/W:

- 08 UNN Lines / 200 Analog Extension Port / 08 Digital Extension Port.
- 3X Chassis Inclusive of Power Supply Unit and Battery Charger.
- Auto Attendant; Port Capacity License.
- 19' Rack Cabinet.
- Backup Batteries 06 Units 9AH / 12VDC Inclusive Backup Cable Installation, Commissioning and Testing.

Jumlah:
1 Lot

Perkara:
NEC DTK-12D 12 – Keys Digital Telephone Set with Speakerphone and LCD Display

Jumlah:
7

Perkara:
NEC DTZ-24D 24-Keys Digital Telephone Set with Speakerphone



KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI

Jabatan
Pertubuhan-Pertubuhan
Antarabangsa
Kementerian Hal Ehwal Luar
Negeri

Jawatan Kosong
Di Sekretariat Komanwel,
London,
United Kingdom

Jawatan :
Travel Manager,
Corporate Business Directorate

Kekosongan :
1

Jawatan :
Reward & Compliance Adviser
Human Resources & Facilities
Management Division

Kekosongan :
1

Tarikh Tutup :
13 Februari 2025.

Untuk makluman,
maklumat lanjut
mengenai jawatan
tersebut termasuk permohonan
boleh didapati
melalui laman sesawang :
<http://thecommonwealth.org.jobs>

Bilangan Tawaran:
MFA / DPP / 01 / 2025

Tajuk Tawaran:
Installation, Supply,
Delivery And Commissioning
Of New Special Mark Beacon At
OIC 1958 No 1518 3(2)(i) Point

Tarikh
Tutup Tawaran:
Selasa
18 Februari 2025.
Jam 2.00 Petang.



Perkara:
To Supply NEC SV9100IP PABX System C/W:

- 08 UNN Lines / 200 Analog Extension Port / 08 Digital Extension Port.
- 3X Chassis Inclusive of Power Supply Unit and Battery Charger.
- Auto Attendant; Port Capacity License.
- 19' Rack Cabinet.
- Backup Batteries 06 Units 9AH / 12VDC Inclusive Backup Cable Installation, Commissioning and Testing.

Jumlah:
1 Lot

Perkara:
NEC DTK-12D 12 – Keys Digital Telephone Set with Speakerphone

Jumlah:
7

Perkara:
NEC DTZ-24D 24-Keys Digital Telephone Set with Speakerphone

(Yield: 4,500 Pages)

Unit Diperlukan:
35

Mesin Pencetak:
Toners Printer Brother
HL-L2370DN Dan HL- L2385DW

Keterangan Pembekal:
Drum

Parts Number:
DR-2455 (Yield: 12,000 Pages)

Unit Diperlukan:
26

Tarikh
Tutup Tawaran:
Selasa,
25 Februari 2025.
Jam 2.00 Petang.



Perkara:
To Supply NEC SV9100IP PABX System C/W:

- 08 UNN Lines / 200 Analog Extension Port / 08 Digital Extension Port.
- 3X Chassis Inclusive of Power Supply Unit and Battery Charger.
- Auto Attendant; Port Capacity License.
- 19' Rack Cabinet.
- Backup Batteries 06 Units 9AH / 12VDC Inclusive Backup Cable Installation, Commissioning and Testing.

Jumlah:
1 Lot

Perkara:
NEC DTK-12D 12 – Keys Digital Telephone Set with Speakerphone

Jumlah:
7

Perkara:
NEC DTZ-24D 24-Keys Digital Telephone Set with Speakerphone



JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibuka Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas :
VI (V & VI)
Sahaja

Kategori :
KA01 – Kod Baharu

Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :
Selasa,
11 Februari 2025.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
11 Mac 2025.
Tidak lewat
jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran:
JKR / DDS 002 / 2025 –
(CDE).T.VI

Nama Projek:
Kerja-Kerja Mengorek
dan Melebarkan
Sungai-Sungai Utama,
Anak-Anak Sungai dan Kolam
di Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran :
BND2000.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen :
BND5.00

Kelas :
IV (IV & V)
Sahaja

Kategori :
KA01 & M03
– Kod Baharu

Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :
Selasa,
11 Februari 2025.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
4 Mac 2025.
Tidak lewat
jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran:
JKR / DDS 003 / 2025 –
(SEW).T.IV

Nama Projek:
Pemulihan Kemudahan
Clarifier Sedia Ada di
Loji Rawatan Kumbahan Lugu,
Lumapas dan Panchor

Yuran Tawaran :
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen :
BND5.00

Dibuka Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas:
(IV & V Sahaja)

Kategori:
[M03 Sahaja]

Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:
11 Februari 2025.
(Selasa)

Tarikh Tutup :
25 Februari 2025.
(Selasa)

Tidak Lewat Dari Jam :
2.00 Petang.

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 004 / 2025

Nama Projek:
Membekal dan Mengganti Pam
Kimia, Switchboard dan Air
Blower bagi Loji Rawatan Air
Bukit di Peringkat 4 dan 5

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-



UNISSA / SB0073 / 2024 / 2025 –
Provision of Building Repair
Works at Universiti Islam Sultan
Sharif Ali (UNISSA) – [Class:
1 & Above] & [Category: B01]

Tarikh
Tutup Tawaran:
Sabtu,
15 Februari 2025.
2.00 Petang.



UBD-AMAN HILLS CINELEISURE TANDATANGANI PERJANJIAN PELESENAN

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

RIMBA, Jumaat, 7 Februari. (UBD), melalui Pejabat Penolong Naib Canselor (Penglibatan

PUISI

Si Anak Dagang

Di hadapanku,
Bumi terbentang bak permaidani,
Disulami samudera luas terbentang,
Nun jauh berbukit diselimuti cahaya putih,
Pepohonan hijau dititiup udara segar,
Awan berarak tenang dan mendamaikan,
Mengiringi perjalanan si anak dagang.

Demi sesuap rezeki,
Perlahan langkah tetap ku teruskan,
Mencari arah petunjuk Ilahi Yang Satu,
Mencari tempat berteduh yang aman,
Mengupayakan sanubari yang kecewa,
Membangkitkan kudrat yang kian lemah,
Menjalani takdir si anak dagang.

Tanpa direlakan,
Sebuah memori terkandas di ingatan,
Seribu angan-angan terlukis penuh harapan,
Namun sebatas khayalan takkan tercapai,
Akur dengan kenyataan yang dihadapkan,
Hari berlalu takkan mengubati rasa rindu,
Begitulah kisah si anak dagang,
Pergi merantau tak bertemu jalan pulang.

Sekar NS

Industri dan Pembangunan Perusahaan), hari ini merasmikan perjanjian pelesenan dengan Aman Hills Cineleisure untuk tayangan khas, iaitu Wujud, sebuah dokumentari yang diiktiraf di peringkat antarabangsa yang diarahkan oleh Dr. Rui Oliveira Lopes dan Syafi Halim.

Majlis Perjanjian Pelesenan berkenaan berlangsung di Kampus UBD yang disempurnakan oleh Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle selaku tetamu kehormat majlis.

Perjanjian berkenaan ditandatangani oleh Penolong Naib Canselor (Penglibatan Industri dan Pembangunan Perusahaan), Dr. Haji Masairo bin Haji Masri mewakili UBD, manakala Aman Hills Cineleisure diwakili oleh Pengurus Pemasarannya, Sarinah Sabatin Samsudin.

Majlis Menandatangani Perjanjian berkenaan disaksikan oleh Pengarah Fakulti Sastera dan Sains Sosial (FASS) di UBD, Dr. Katrina binti Dato Paduka Haji Mohd. Daud dan Penyelaras Pemasaran dan Acara di Aman Hills Cineleisure, Dayang Amal Nadzirah binti Haji Rudzi.

Wujud adalah penerokaan berwawasan identiti budaya Negara Brunei Darussalam (NBD), yang dihasilkan sebagai sebahagian daripada projek penyelidikan akademik yang



NAIB CANSelor Universiti Brunei Darussalam (UBD) hadir selaku tetamu kehormat semasa bergambar ramai pada Majlis Perjanjian Pelesenan yang berlangsung di Kampus UBD.

dibiayai oleh UBD dengan kerjasama New Wave Films.

Dokumentari berkenaan mempamerkan kerja lapangan yang meluas yang diketuai oleh Dr. Rui Oliveira Lopes di bawah Program Reka Bentuk dan Industri Kreatif di FASS, UBD.

Sepanjang dua tahun, iaitu 2022 hingga 2024, pasukan pelajar dan alumni UBD yang berdedikasi merakamkan naratif yang menarik di empat buah daerah di NBD, memfokuskan kepada tema seperti monarki, rakyat, alam semula jadi, bahasa dan Islam.

Dokumentari berkenaan telah mencapai pengiktirafan antarabangsa, memenangi Anugerah Dokumentari Terbaik, Sinematografi Terbaik, Pengarah Terbaik, dan Penerbit Terbaik di Festival Filem Antarabangsa Akademi Asia Tenggara (SEAiff) pada Mei 2024.

Selain itu, ia juga telah dipilih untuk Anugerah Akademi Filem Antarabangsa Kuala Lumpur yang berprestij.

"Filem ini adalah satu penghormatan yang menampilkan kekayaan warisan budaya NBD dan suara rakyatnya. Kami sangat teruja untuk berkongsi dengan orang ramai dan berharap ia mencetuskan perbualan yang bermakna tentang identiti dan tradisi," ujar Pengarah Bersama dan Penyelidik Utama, Dr. Rui Oliveira Lopes.

Tayangan khas Wujuddi Aman Hills Cineleisure menjanjikan pengalaman yang menarik bagi penggemar filem, ahli akademik dan individu yang meminati warisan budaya NBD.

Jadual dan butiran tiket akan diumumkan tidak lama lagi.

Latihan berterusan mampu mantapkan mutu taranum Al-Quran



PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) semasa hadir pada Bengkel Tarannum Al-Quran berkenaan (atas dan atas kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 7 Februari. — Bengkel Tarannum Al-Quran bagi peserta Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang diadakan selama lima hari sejak 3 Februari lalu berakhir hari ini.

Hadir menyempurnakan penyampaian sijil kepada pembengkel jemputan dan para peserta musabaqah di Dewan Melor, Tingkat 2, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), di sini, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar.

Pembengkel jemputan dari Malaysia iaitu Che Yahaya bin Daud dalam rumusannya, antara lain menyatakan bahawa secara umumnya para peserta tilawah pada tahun ini semuanya bersemangat dan berpotensi untuk dimajukan akan tetapi perlu latihan yang berterusan.

Che Yahaya seterusnya menekankan, kita tidak mahu setelah habis berbengkel, para peserta dengan hal masing-masing dan hanya menunggu bengkel seterusnya tanpa secara konsisten berlatih.

Justeru itu katanya, perlu ada dan menjalani latihan lanjutan demi meningkatkan mutu bacaan dan

tarannum Al-Quran.

Bidang tarannum Al-Quran itu jelasnya lagi, melibatkan suatu seni rasa dan oleh itu, disarankan para peserta agar tidak jemu untuk sentiasa hadir bagi mengikuti kelas atau bengkel yang seumpamanya.

Objektif bengkel diadakan adalah juga bagi memperkasa bacaan qari dan qariah dengan kaedah - kaedah bacaan dan lagu-lagu Al-Quran yang segar dan berbeza daripada yang biasa diajarkan dan dibawakan di Nusantara, di samping mempelajari kekuatan dan kelemahan dalam bacaan Al-Quran dengan bertaranum serta mempraktikkan dan mendalami teknik-teknik bacaan di dalam pertandingan nanti.

Selain itu, bengkel anjuran Bahagian Kemajuan Syiar Islam, KHEU berkenaan adalah untuk memberi peluang kepada para peserta agar dapat memantapkan lagi mutu bacaan mereka secara terperinci termasuk dari sudut Tajwid, Fasahah, lagu dan suara.

Che Yahaya pernah menjadi hakim pada Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 2015 di negara ini dan juga sering menjadi hakim pada Majlis Tilawah Al-Quran di Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa di Kuala Lumpur, Malaysia.

Usaha seumpama berkenaan diharap akan dapat menjadi benteng kekuatan iman dan akidah Islam dalam usaha memperkasa, memperteguhkan dan menyatakan



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Mohammad Hasif Matzin

generasi bangsa agar benar-benar memahami ajaran Al-Quran dan menghayatinya.

Bengkel berkenaan juga sekali gus bagi memastikan para qari dan qariah negara bersedia untuk mempersempahkan bacaan Al-Quran dengan lebih baik dan berkualiti tinggi serta mempersiapkan diri para peserta untuk bersaing pada Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1446H/2025M yang akan diadakan pada penghujung April hadapan dengan bertemakan 'Akal Sihat Dengan Al-Quran'.



PEMBENGKEL jemputan dari Malaysia, Che Yahaya bin Daud semasa berucap.



PENGETUA Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut (atas). Manakala gambar kanan, ceramah bertajuk 'The Miraculous Journey of Israk and Mikraj' disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Bahagian Kaunseling dan Kefahaman Agama, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Februari. - Seramai lebih kurang 1,000 pelajar dari Tahun 1 hingga Tahun 6 Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SR YSHHB) menghadiri Majlis Sambutan Israk Mikraj bertempat di Dewan Serbaguna sekolah berkenaan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pengetua SR YSHHB, Dayang Hajah Hafizah binti Haji Salat.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha yang dipimpin oleh Muhammad Syazwanshah bin Razali, diikuti dengan bacaan ayat suci Al-Quran Surah Isra', ayat 1 hingga 3 yang dibacakan oleh pelajar Tahun 4 Mercury, Awangku Muhammad Hariri bin Pengiran Hira.

Bagi menyemarakkan lagi majlis, satu ceramah bertajuk 'The Miraculous Journey of Israk and Mikraj' disampaikan oleh Pegawai

SR YSHHB ANJUR SAMBUTAN ISRAK MIKRAJ



Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Bahagian Kaunseling dan Kefahaman Agama, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Muhammad Yussof bin Haji Abdul Majid.

Antara inti pati ceramah yang disampaikan oleh Awang Muhammad Yussof sembahyang adalah hadiah istimewa daripada Allah yang mana Israk dan Mikraj membuktikan betapa pentingnya

sembahyang kerana ia adalah satu-satunya ibadah yang Allah berikan secara langsung kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Menurut beliau sembahyang adalah 'Mikraj' bagi setiap Mukmin seperti Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bertemu Allah Subhanahu Wata'alá dalam Mikraj, sembahyang adalah cara kita berhubung langsung dengan Allah

setiap hari. Jaga sembahyang dan Allah akan jaga kita.

Antara objektif majlis tersebut dianjurkan adalah bertujuan memperkenalkan sambutan hari-hari kebesaran Islam di negara ini sekali gus mendidik kanak-kanak akan kewajiban sembahyang lima waktu dan cara-cara mengerjakannya dengan betul selain beramal dan mengambil iktibar daripada peristiwa tersebut.

Tingkatkan kefahaman ibadah haji melalui teori, praktikal

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohammad Hasif Matzin

KATOK, Khamis, 6 Februari. - Ke arah mendukung matlamat Wawasan Brunei 2035 untuk melahirkan rakyat yang

berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya, Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha



KETUA Bahagian Sekolah Arab, Jabatan Pengajaran Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Program Ilal Majdi Wal 'Ula (atas). Sementara gambar bawah, sebahagian yang hadir pada program berkenaan.



(SUAMPRIPAHHS) mengungkayahkan Program Ilal Majdi Wal 'Ula bertempat di sekolah berkenaan.

Program kali keenam ini melibatkan penyertaan 'tholibaat' (penuntut-penuntut) Sanah 10 Fast Track dan 11 yang dibahagikan kepada dua kategori di mana melalui program praktikal simulasi haji ini, setiap pengisian ibadah haji akan dijadikan *checkpoint* dan pada setiap *checkpoint*, para 'tholibaat' dikehendaki menjawab pelbagai soalan 'syafawi' (secara lisan) dan digital serta tugas praktikal yang wajib mereka laksanakan.

Pemangku Pengetua SUAMPRIPAHHS, Dayangku Aidi Noorintan binti Pengiran Haji Zinin dalam ucapan alu-aluannya berharap agar para 'tholibaat' juga

akan menjadikan program ini sebagai gambaran atau pengalaman awal menjalani praktikal haji sebagaimana lazimnya dilaksanakan oleh jemaah haji Negara Brunei Darussalam.

"Secara umumnya program ini diharap akan dapat meningkatkan prestasi 'tholibaat' mencapai keputusan yang cemerlang melalui penerapan info-komunikasi dan teknologi dan *blended learning* pada beberapa *checkpoint* sebagai kaedah pembelajaran terkini.

"Pada masa yang sama, program ini juga akan mewujudkan kerjasama dan mengeratkan silaturahim antara 'tholibaat' sekolah-sekolah Arab," ujarnya.

Program Ilal Majdi Wal 'Ula

bertemakan 'Program Simulasi Manasik Haji' bertujuan untuk menambah kefahaman para pelajar mengenai ibadah haji melalui pembelajaran secara teori dan praktikal di samping memupuk keazaman dalam kalangan pelajar untuk menuaikan Rukun Islam Kelima pada masa hadapan.

Aktiviti program turut disertai oleh pelajar-pelajar dari Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah; Ma'had Islam Brunei dan SUAMPRIPAHHS selaku tuan rumah.

Hadir selaku tetamu khas ialah Ketua Bahagian Sekolah Arab, Jabatan Pengajaran Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pengiran Mohamad Aminuddin bin Pengiran Haji Hussin.

MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Muhasabah Diri Amalan Terpuji'. Tarikh Tutup : 12 Februari 2025
2. 'Semai Semangat Patriotisme'. Tarikh Tutup : 19 Februari 2025
3. 'Pendidikan Ugama Berperanan Menyemai Akhlak Mulia'. Tarikh Tutup : 26 Februari 2025

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarik jarak **langkah dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

CIPTA PENGGUNAAN DESIGN TINKER DALAM KONTEKS STEAM

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Februari. - Kementerian Pendidikan melalui Unit Tenaga Pengajar, Akademi Kepimpinan dan Guru Brunei Darussalam (BDLTA) dengan kerjasama Seria Energy Lab (SEL) dan Brunei Shell Petroleum (BSP) menganjurkan Kursus Training of Trainers (TOT) Design Tinker bertempat di BDLTA.

Kursus tersebut diadakan selama empat hari bermula 3 hingga 6 Februari 2025, dengan penyertaan seramai 24 guru sekolah rendah daripada Program STEAM Education and Skills (SES) serta enam guru sekolah menengah yang mengajar subjek 'Business, Art and Technology (BAT)'.

Taklimat kursus tersebut disampaikan oleh fasilitator dari SEL iaitu Dr. Nur Karnina binti Karim selaku Ketua SEL; Ketua

Pameran dan Pendidikan SEL, Awang Allen Jaffran Angi dan Senior Science Communicator SEL, Dayang Amal Nazirah binti Mohd. Daud.

Design Tinker merupakan kaedah pemikiran yang sistematis yang menjadi asas kepada inovasi dalam kalangan pencipta dan mereka bentuk.

Kursus itu memberi tumpuan kepada pelajar dan guru dalam mengaplikasikan proses reka bentuk untuk memahami keperluan pengguna, mengenal pasti cabaran, menjana penyelesaian kreatif serta membangunkan, menguji dan menghasilkan prototaip yang relevan dengan aktiviti STEAM.

Adapun kursus tersebut bertujuan untuk menyokong pelaksanaan pendidikan Science, Technology, Engineering, Arts, and Mathematics (STEAM) di



SUASANA Kursus Training of Trainers (TOT) Design Tinker yang berlangsung di Akademi Kepimpinan dan Guru Brunei Darussalam (BDLTA) (atas dan kiri).

sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pendidikan.

Sementara itu, antara objektif kursus tersebut adalah untuk membekalkan peserta dengan kemahiran berfikir dan mencipta menggunakan proses Design Tinker serta menyesuaikan proses ini dalam konteks pendidikan STEAM.

Kursus itu juga diharapkan dapat meningkatkan keupayaan peserta dalam menyelesaikan dan mengendalikan latihan serta membimbing guru-guru lain di sekolah masing-masing dan kluster dengan penekanan utama pada penerapan proses Design Tinker secara berkesan dalam pendidikan STEAM.


 جا奔ن فانخن ايكونومي دان ستاتistik
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
JABATAN HAL EHWAH PENGUNA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli

"buleh pecaya kan tu?"
 "mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"
 "ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"
 "iawah? banar kan tawarannya ani?"

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- Dapatkan resit rasmi.
- Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna

Penyertaan Jualan Mega Brunei 2025 dibukakan

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 Februari. - Menjelangnya musim perayaan bersama-sama Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-41, bulan Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri, Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi akan menganjurkan Jualan Mega Brunei (JMB) 2025 dalam usaha mengukuhkan pasaran tempatan yang akan berlangsung selama 53 hari bermula 20 Februari hingga 13 April 2025.

JMB 2025 diharaskan dapat merangsang aktiviti perekonomian negara dengan menggalakkan orang ramai berbelanja di dalam negara untuk bersama-sama meraikan musim perayaan berkemas.

Inisiatif kebangsaan berkemas bertujuan untuk menggalakkan para peniaga dan pengguna bersama-sama mengukuhkan ekonomi dengan menyokong produk, perkhidmatan dan perniagaan tempatan.

JPES mengalu-alukan syarikat perniagaan daripada pelbagai sektor untuk menyertai dan

manfaatkan platform berkenaan untuk meningkatkan jualan melalui tawaran diskau dan promosi yang menarik dan telus.

Selain daripada menyokong semangat perayaan, inisiatif berkenaan juga diharapkan dapat mengukuhkan ekonomi tempatan dengan menggalakkan perbelanjaan domestik.

Para pengguna digalakkan untuk berbelanja di dalam negara semasa tempoh perayaan berkenaan bagi memeriahkan Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-41 dan Hari Raya Aidilfitri.

Di samping menyokong peniaga tempatan, pengguna boleh menikmati tawaran eksklusif sambil membantu membina komuniti dan ekonomi keusahawanan yang berdaya tahan.

Kempen berkenaan merupakan inisiatif untuk menyatukan masyarakat dan menyokong usahawan yang gigih, perniagaan kecil, dan jenama tempatan yang menjadi tulang belakang ekonomi negara.

Dengan memilih untuk berbelanja dalam negara, secara tidak langsung orang ramai dapat memberi pekerjaan, merangsang

perkembangan dan memupuk patriotisme.

Peniaga yang berminat untuk menyertai JMB 2025 boleh menghadapkan Borang Makluman Jualan yang lengkap melalui e-mel sales@jpes.gov.bn bermula pada hari ini sehingga 18 Februari 2025.

Borang berkenaan boleh dimuat turun dari laman sesawang JPES dan aplikasi mudah alih 'PenggunaBijak'.

Senarai peserta akan dimuat naik ke dalam aplikasi 'PenggunaBijak' untuk memudahkan pengguna berkunjung ke premis-premis berkenaan yang menawarkan promosi istimewa.

JPES mengingatkan peserta JMB 2025 untuk sentiasa menjalankan perniagaan dan acara jualan murah secara beretika dengan mematuhi Peraturan-peraturan Acara Harga Jualan Murah, Perintah Paparan Tanda Harga dan Akta Perlindungan Pengguna (Perdagangan Wajar), Penggal 261.

Bagi maklumat lanjut mengenai JMB 2025, orang ramai boleh menghubungi JPES melalui e-mel di sales@jpes.gov.bn, dan aplikasi mudah alih 'PenggunaBijak'.


 جا奔ن فانخن ايكونومي دان ستاتistik
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
JABATAN HAL EHWAH PENGUNA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

JUALAN Mega Brunei

Shop Local, Celebrate Together

20 Februari - 13 April

Peserta akan tersenarai di



Imbas untuk menyertai



Jabatan Hal Ehwal Pengguna, Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik
Tingkat 4, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi,
Commonwealth Drive, BS3910, Negara Brunei Darussalam



MUFTI Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned semasa berucap pada Majlis Pelancaran Buku Dwi Bahasa Baharu terbitan Jabatan Mufti Kerajaan (JMK), Jabatan Perdana Menteri bertajuk, 'Raja Kita Pelopor Rawatan Bersepadu Mental / Our King - A Pioneer in Integrated Mental Treatment' bertempat di Ruang Legar Darullita Brunei Darussalam, JMK pada Selasa, 28 Januari 2025 bersamaan 28 Rejab 1446.

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله ، والصلوة والسلام على رسول الله صلى الله عليه وسلم
ومن شعبه وآله وأئمته

PADA hari ini Alhamdulillah, kita akan melancarkan sebuah buku dwi bahasa terbaharu terbitan Jabatan Mufti Kerajaan, bertajuk : Raja Kita Pelopor Rawatan Bersepadu Mental / Our King - A Pioneer in

Wanita bangsa Filipina pilih Islam

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

MUARA, Jumaat, 7 Februari. - Hasrat seorang wanita berbangsa Filipina untuk memeluk agama Islam kini tercapai setelah sempurna melafazkan dua kalimah syahadah dan ikrar pengislamannya pada petang tadi.

Majlis Pengisianan berkenaan berlangsung di Masjid Kampung Kapok, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Dato Paduka Seri Awang Haji Bahrin bin Mohd. Noor.

Turut hadir ialah Pemangku Pegawai Ugama Kanan, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dayang Hajah Zunainah binti Haji Gunong.

Majlis Pengisianan dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha, diikuti dengan lafaz ikrar pengisianan serta dua kalimah syahadah oleh Flordeliza Roxas Dalde, 47 tahun di hadapan pegawai Bahagian Pengembangan Da'wah (Pengisianan), PDI.



RAJA KITA PELOPOR RAWATAN BERSEPADU MENTAL

Integrated Mental Treatment.

Mengapa kita beri tajuk : Raja Kita Pelopor Rawatan Bersepadu Mental, kerana sejak hampir dua tahun yang lalu lagi, baginda sudah menyuarakan perkara ini dalam perutusan 'Idul Adha 1444 / 2023 dan lain-lain sempena, serta paling mutuakhir ialah dalam Majlis Sambutan Isra' dan Mi'raj yang berlangsung semalam, baginda bertitah :

"Beta ingin mengingatkan supaya kesihatan mental terus dijaga, bukan setakat merawatnya dengan rawatan biasa yang sedia ada, tetapi beta juga mahu, supaya rawatan bersepadu iaitu rawatan cara Islam turut juga sama-sama diperkenalkan".

Demikian titah. Ini, sudah dapat membuktikan bahawa baginda memang tepat untuk diberi jolokan sebagai 'Pelopor Rawatan Bersepadu Mental'.

Setakat ini, kita belum lagi mendengar mana-mana pihak mengungkapkan sebagaimana raja kita mengungkap mengenai rawatan bersepadu mental. Kiranya hasrat baginda ini terlaksana, semoga diperturut oleh Allah, maka tidak diragukan lagi, Brunei adalah satu-satunya negara di dunia yang akan mempunyai

rawatan bersepadu mental.

Rawatan bersepadu mental sangat diperlukan, kerana bukankah gejala atau penyakit mental itu pengkalannya di hati? Lalu, bagi orang yang bermasalah mental, yang dirawat itu mestilah hatinya. Ini, telah ditunjuk oleh al-Qur'an sendiri, firman Allah :

Tafsirnya : "Orang-orang yang beriman tenang tenteram hati-hati mereka dengan Dzikirullah. Ketahuilah, hanya dengan Dzikirullah sahaja, tenang tenteramlah hati-hati manusia".

Kerana itu adalah tidak memadai merawat hati / merawat mental yang sakit, cuma dengan hiburan-hiburan atau setakat petunjuk-petunjuk psikologi, tidak memadai, tetapi hati atau minda yang sakit memerlukan ubat, benar-benar ubat, dan ubat itu pula tidak mesti yang dimakan atau ditelan, tetapi mungkin ia dibaca, sama ada oleh pesakit sendiri atau orang lain (perawat) dalam bentuk jampi dan sebagainya.

Nabi Shallallahu 'Alaihi Wasallam pernah merawat orang gila dengan membaca ayat-ayat suci al-Qur'an (ini telah saya sebut dalam ceramah saya di Majlis Ilmu). Dalam buku saya pula

'Berubat Dengan Perubatan Bumi dan Perubatan Langit' saya menyebut beberapa contoh orang-orang sakit yang sembuh dirawat dengan ayat-ayat al-Qur'an. Contoh paling masyhur ialah orang yang disengat oleh kala jengking yang telah dirawat dengan pelbagai ubat tetapi tidak juga sembuh - sembuh, sehingga seorang sahabat Nabi merawatnya dengan menjampi dengan surah al-Fatiha maka bisa kala jengking hilang sehilang-hilangnya. Ini berlaku lebih 1400 tahun yang lalu.

Yang berlaku sekitar 800 tahun pula, al-Imam Ibnu al-Qayyim al-Jauziyyah *Rahimahullah*, telah jatuh sakit di Mekah al-Mukarramah. Dia tidak berupaya untuk mendapatkan doktor atau ubat. Lalu dia hanya berubat dengan ayat-ayat suci al-Qur'an sahaja. Dia membaca ayat-ayat itu ke atas air zamzam lalu diminumnya. Maka dengan itu menurutnya, dia beroleh kesembuhan yang sempurna, dan selepas itu, dia tidak lagi perlu kepada sebarang ubat selain al-Qur'an.

Orang yang sembuh dengan ayat al-Qur'an, bukan dua kejadian ini sahaja bahkan banyak, berlaku

di sepanjang zaman. Termasuk beberapa contoh lain (sila rujuk buku saya di atas tadi). Kejadian-kejadian sembuh itu berlaku dalam lingkungan masa ini, iaitu orang sembuh dari penyakit jantung berlubang, dan bengkak pangkal jantung, sembuh dari batuk kokol yang aneh, sembuh dari rambut gugur luar biasa, sembuh dari busung perut kerana sihir, sembuh dari kulit mengelembung mengeluarkan nanah dan berbau sangat busuk dan sembuh dari barah payu dera.

Dengan izin Allah serta berkat daulat raja, kita akan bergerak pula menangani gejala mental dengan rawatan bersepadu : Psikiatri / psikologi dan rawatan ketuhanan, dzikir dan al-Qur'an. Kita ucapkan tahniah dan syabas kepada pihak berkenaan, Kementerian Kesihatan dan Ugama yang serius mendukung titah.

Dengan lafaz :

بسم الله الرحمن الرحيم ، اللهم صل على سيدنا ونبينا وحبيينا محمد و على آله وصحبه وسلم ،

Saya lancarkan buku : Raja Kita Pelopor Rawatan Bersepadu Mental / Our King - A Pioneer in Integrated Mental Treatment.

وبالله التوفيق والهداية

والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته



Apa yang diharapkan, syiar Islam akan terus berkembang dan diterima dengan hati yang terbuka oleh masyarakat di negara ini dan para mualaf khususnya, kerana agama Islam sememangnya satu pegangan hidup yang mulia yang sukakan perpaduan dan keamanan.

SUASANA Majlis Pengisianan yang berlangsung di Masjid Kampung Kapok (kanan dan bawah kiri).

ایکسپو ڈیجین ٹیکنیکی
EKSPO PENGAJIAN TINGGI 2025

کشور فندیق
KEVENTERIAN PENGETAHUA
REKA BINA DAN KONSEP
EKSPO
PENGAJIAN KE
TINGGI 10
2025

Dianjurkan oleh:
جایزہ ڈیجین ٹیکنیکی
JABATAN PENGETAHUA
TINGGI
KEVENTERIAN PENGETAHUA
REKA BINA DAN KONSEP
NEGERI BRUNEI DARUSSALAM

Tarikh:
8 Februari 2025
10:00 pagi - 5:00 petang

&
9 Februari 2025
9:00 pagi - 5:00 petang

Tempat:
Dewan 1 dan Dewan 2, BRIDEX Jerudong



MENGHAFAZ AL-QURAN JADI LEBIH RINGKAS DAN MUDAH



GenQu Academy : Membuka pintu hafazan Al-Quran untuk semua

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Ihsan Al Huffaz Management

DALAM usaha memperluas akses pembelajaran Al-Quran kepada masyarakat, GenQu (Generasi Quran) Academy secara rasmi dilancarkan sempena Majlis Penerimaan Pelajar-pelajar Baharu Peringkat Menengah Tahun 7 Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB). GenQu Academy ialah sebuah platform inovatif yang direka untuk membantu individu mempelajari dan menghafaz Al-Quran dengan cara yang lebih mudah dan berkesan. Platform ini menawarkan akses 24/7 kepada teknik penghafalan yang telah terbukti keberkesanannya. Teknik-teknik ini dikembangkan oleh para pakar dari ITQSHHB.

Dalam era digital yang berkembang pesat, pendidikan juga mengalami transformasi yang besar. GenQu Academy adalah satu inovasi terkini yang membawa pembelajaran Al-Quran ke peringkat seterusnya. Ia juga ditubuhkan sebagai kesinambungan daripada Al-Huffaz Management, platform digital ini telah direka khas untuk membantu pelajar menghafaz Al-Quran dengan lebih mudah, sistematis dan berkesan.

Pengasas

Projek ini diasaskan oleh Ketua Pegawai Eksekutif dari Al-Huffaz Management iaitu Ustaz Loqman Hamdan dengan kerjasama pengasas dari Syarikat Senimerge, Awang Mahfiz Mahli. Tercetusnya GenQu Academy ini adalah idea asal yang datang daripada pengalaman peribadi Awang Mahfiz Mahli yang tidak berkesempatan memasuki mana-mana pusat tafhib pada usia muda. Dalam kesibukannya untuk hal kehidupan

dan komitmen di usia 30-an timbul persoalan adakah beliau masih ada masa untuk menghafaz Al-Quran atau tidak. Di situ GenQu Academy timbul sebagai solusi bagi sesiapa sahaja yang mempunyai impian yang sama seperti beliau.

Pada Rabu, 4 Muhamarram 1441 Hijrah bersamaan 4 September 2019 Masihi, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri juga bersabda pada Majlis Haflut Takharuj ITQSHHB Kali Ketujuh Tahun 1441H / 2019M, "Sebagai umat Islam, untuk meraih kecemerlangan hakiki di alam akhirat, setiap Muslim adalah juga diperlukan cemerlang dalam urusan dunia winya. Dengan demikian, di sinilah juga pentingnya untuk kita bersama-sama meraih keberkatan dan mukjizat Al-Quran dengan berusaha mendalamai ilmu dan kandungan Al-Quran sebagai amalan dan pedoman hidup sepanjang hayat".

Pelancaran GenQu Academy

GenQu Academy secara rasmi dilancarkan pada 18 Januari 2025 di ITQSHHB dan disempurnakan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan. Dengan adanya pelancaran tersebut, ia memperlihatkan komitmen akademi ini dalam menyediakan peluang kepada lebih ramai individu untuk menghafaz Al-Quran.

Objektif

Menurut pengasas GenQu Academy, yang juga merupakan alumni ITQSHHB, objektif utama penubuhan akademi ini adalah untuk memberikan peluang kepada mereka yang tidak dapat menyertai ITQSHHB kerana pelbagai faktor tetapi memiliki keinginan yang mendalam untuk mendalamai ilmu Al-Quran. Dengan adanya GenQu Academy, sesiapa sahaja boleh menikmati pengalaman pembelajaran yang fleksibel dan sesuai dengan keperluan masing-masing.

Visi

GenQu Academy bukan sekadar sebuah institusi tetapi ia adalah sinar harapan sebuah ruang untuk sesiapa sahaja yang ingin mendalamai ilmu Al-Quran dan menghafalnya. Ia membuktikan bahawa usia bukanlah penghalang untuk individu itu melakukan langkah pertama menuju perubahan yang lebih bermakna. Dengan tercetusnya GenQu Academy, visi utama mereka adalah untuk menyatakan hati masyarakat melalui hafazan Al-Quran yang penuh keberkatan.

Keunikan, ciri-ciri GenQu Academy

GenQu Academy menawarkan pendekatan inovatif yang membezakannya daripada platform lain :

- Teknik pembelajaran berdasarkan ITQSHHB dan disampaikan oleh alumni ITQSHHB, yang berpengalaman dalam hafazan.
- Fleksibel : Pengguna boleh memilih mana-mana muka surat Al-Quran untuk dihafaz.
- Akses 24/7 : Belajar bila-bila masa dan di mana sahaja.
- Guru berperingkat : Jumlah tenaga pengajar akan ditambah secara berkala,

dengan teknik yang pelbagai.

Cara penggunaan

Pengguna hanya perlu menggunakan telefon pintar atau tablet untuk mengakses platform ini. Kaedah hafazan disediakan dalam bentuk audio dan video, serta dilengkapi dengan panduan waktu terbaik untuk menghafaz dan cara membahagikan ayat-ayat supaya lebih mudah diingat.

Bagaimana mendapatkan akses?

Untuk para pengguna yang berminat mengetahui lebih lanjut lagi, GenQu Academy boleh diakses melalui laman sesawang rasmi mereka iaitu www.genqu-academy.com. Platform ini terbuka kepada semua, tanpa mengira umur.

Harapan

Pengasas GenQu Academy berharap agar platform ini dapat berkembang dan membantu lebih ramai individu menghafaz Al-Quran, bukan sahaja di Negara Brunei Darussalam, malah di seluruh dunia. Sebagai satu bentuk infak, GenQu Academy berjanji untuk memberikan akses percuma kepada semua pelajar Tahun 7 di ITQSHHB. Langkah ini juga bertujuan menyokong pembelajaran mereka dan berfungsi sebagai kelas tambahan dalam usaha menghafaz kitab suci Al-Quran. Dengan visi yang jelas dan teknologi sebagai pemangkin, GenQu Academy bersedia menjadi peneraju dalam pendidikan hafazan digital.

Pelancaran GenQu Academy juga diharap menjadi satu langkah signifikan dalam menyokong usaha kerajaan untuk memperkuuh pendidikan agama dan memperluas penghayatan Al-Quran dalam kalangan masyarakat.

TAKLIMAT TINGKATKAN PELUANG MELANJUTKAN PENGAJIAN KE JEPUN

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 Februari. - Kedutaan Jepun di Negara Brunei Darussalam (NBD) menyampaikan taklimat mengenai Biasiswa Kerajaan Jepun untuk para pemimpin sekolah dan guru pendidikan kerjaya dari sekolah menengah, kolej dan pusat tingkatan enam kerajaan di Teater Kuliah 2, Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI), hari ini.

Wakil dari Kedutaan Jepun di NBD yang menyampaikan ceramah tersebut ialah Setiausaha Ketiga (PR, Hal Ehwal Kebudayaan dan Pendidikan), Maria Ozaki; Dayang Noraini binti Haji Shawal dari PR, Hal Ehwal Kebudayaan dan Pendidikan dan Penolong PR, Hal Ehwal Kebudayaan dan Pendidikan, Lim Jia Yuan.

Turut dijemput sebagai penceramah ialah Presiden Brunei Association of Japan Alumni (BAJA), Dayang Hajah Najmina Fairuz binti Haji Abd. Latif yang merupakan penerima Biasiswa Kerajaan Jepun dan telah melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda di Universiti Kobe.

Pada akhir taklimat, Pemangku Ketua Unit Pendidikan Kerjaya, Jabatan Sekolah-Sekolah, Dayang Hajah Ameerah Hannah binti Haji Abd. Rahim menyampaikan sijil penghargaan kepada para penceramah.



SESI bergambar ramai pada taklimat mengenai Biasiswa Kerajaan Jepun di Teater Kuliah 2, Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI).

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Sekolah-Sekolah

Ceramah dari Kedutaan Jepun tersebut merupakan inisiatif Unit Pendidikan Kerjaya dan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran

orang ramai tentang peluang biasiswa yang tersedia untuk rakyat tempatan yang berhasrat untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi. Menurut

Kedutaan Jepun di NBD, kira-kira 130 rakyat tempatan telah menerima Biasiswa Kerajaan Jepun yang berprestij sejak tahun 1987.

Meningkatkan kefahaman kepentingan program STEAM, inisiatif hijau



SESI bergambar ramai pada sesi Pembarigaan Program - Program Pusat Kerjasama Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Pusat STEP) 2025 bertempat di Pusat Tingkatan Enam Sengkurong.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

SENGKURONG, Rabu, 5 Februari. - Seramai 54 orang pemimpin sekolah serta wakil daripada sekolah rendah, menengah, maktab dan pusat tingkatan enam dari Kluster 4 di bawah Kementerian Pendidikan menghadiri sesi Pembarigaan Program - Program Pusat Kerjasama Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Pusat STEP) 2025 bertempat di Pusat Tingkatan Enam Sengkurong, baru-baru ini.

Sesi dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Ketua Pusat STEP, Dayang Hajah Suriani binti Haji Noor Hashim, yang menjelaskan mengenai Science, Technology, Engineering, Arts, and Mathematics (STEAM) sebagai pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran.

Sesi diteruskan dengan perkongsian mengenai perkhidmatan yang disediakan oleh Pusat STEP, termasuk program STEAM dan Inisiatif Hijau,

serta hubung kaitnya dengan program-program yang ditawarkan di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa.

Sesi tersebut juga diisikan dengan pengumuman dan penyampaian sijil kepada para penerima STEAM Active School 2024 yang telah disempurnakan oleh Ketua Pusat STEP.

Pengiktirafan ini diberikan kepada sekolah-sekolah yang giat dan aktif menyertai program-program anjuran Pusat STEP pada tahun 2023 dan 2024.

Penerima STEAM Active School 2024 bagi Kluster 4 dalam Kategori Sekolah Rendah ialah Sekolah Rendah Beribi Telanai, manakala bagi Kategori Sekolah Menengah dan Pusat Tingkatan Enam ialah Sekolah Menengah Masin.

Para pemimpin sekolah turut diberikan peluang untuk bersempua dan berbincang dengan pegawai fokal bagi program-program yang disediakan oleh Pusat STEP, bagi memastikan

oleh Pusat STEP.

Perbincangan tersebut bertujuan untuk memberikan pemahaman yang lebih mendalam mengenai kandungan dan kepentingan program-program STEAM serta inisiatif hijau yang telah diberikan.

Melalui sesi berkenaan, diharapkan para pemimpin sekolah dapat memahami dengan lebih jelas tahap pelaksanaan program STEAM dan inisiatif hijau di sekolah masing-masing.

Pemberigaan Program-Program Pusat STEP 2025 tersebut juga bertujuan untuk membina kepercayaan serta memperkuuh hubungan kerjasama antara Pusat STEP dan para pemimpin sekolah.

Inisiatif berkenaan juga dilaksanakan untuk meningkatkan kesedaran, memperluas penyertaan dan menggalakkan penglibatan aktif sekolah dalam perkhidmatan serta program-program yang disediakan oleh Pusat STEP, bagi memastikan

pelaksanaannya di peringkat sekolah berjalan dengan mantap dan berkesan untuk jangka masa panjang.

Sesi turut disampaikan kepada

pemimpin-pemimpin sekolah serta wakil dari semua kluster di bawah Kementerian Pendidikan, dan akan dilaksanakan mengikut tarikh-tarikh yang telah ditetapkan.



ANTARA pemimpin sekolah yang menyertai sesi pembarigaan berkenaan.

'SURVIVOR' KANSER PAYUDARA KONGSI PENGALAMAN



Berita dan Foto :
Ihsan Dayang Hajah Aminah Haji Momin

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 Februari. - Yang Dipertua Kumpulan Sokongan Kanser Payudara Brunei (Brunei Breast Cancer Support Group-BBCSG), Dayang Hajah Aminah binti Haji Momin, baru-baru ini mengongsikan kegiatan BBCSG pada Majlis Santai Perkongsian Pengalaman Tentang Kanser Payudara sempena Hari Kanser Sedunia dengan tema sambutan

MAJLIS Santai Perkongsian Pengalaman Tentang Kanser Payudara sempena Hari Kanser Sedunia dengan tema sambutan tahun ini 'Disatukan Oleh Keunikan' (United by Unique) anjuran Shine Cycle di Pusat Shine Cycle, Beribi Gadong.

tahun ini 'Disatukan Oleh Keunikan' (United by Unique) anjuran Shine Cycle di Pusat Shine Cycle, Beribi Gadong.

Seramai enam orang survivors kanker payudara yang terdiri daripada Dayang Hajah Junaidah binti Haji Mohamad, Dayang Siti Faizahanisah binti Awang Mahani, Dayangku Masanita binti Pengiran Patra, Dayangku Khadijah binti Pengiran Badaruddin, dan Dayang Hajah Suriyani binti Haji Abu Bakar hadir berkongsi pengalaman masing-masing dan menyampaikannya dalam bentuk interaksi bersemuka bersama ahli-ahli Shine Cycle.

Turut hadir ialah Timbalan Presiden BBCSG, Dayang Hajah Linda Aini binti Haji Abdullah.

Dayang Hajah Aminah juga menerima sumbangan derma daripada wakil Shine Cycle untuk Tabung BBCSG pada majlis berkenaan.

Majlis Rumah Terbuka memperkuuh silaturahim



Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Dk. Nur Hafifah Pg. Osman



SEKITAR Majlis Rumah Terbuka sempena Sambutan Tahun Baharu Cina 2025 yang diadakan di Emperor's Court Restaurant, Manggis Mall yang dianjurkan oleh Gleneagles JPMC (kiri dan kanan).

BERAKAS, Rabu, 5 Februari. - Gleneagles JPMC menganjurkan Majlis Rumah Terbuka sempena Sambutan Tahun Baharu Cina 2025 yang diadakan di Emperor's Court

Restaurant, Manggis Mall, di sini.

Kira-kira 500 tetamu menghadiri Rumah Terbuka berkenaan yang terdiri daripada Ahli-ahli Lembaga Pengarah, pegawai-pegawai

kerajaan, duta-duta, pihak-pihak berkepentingan korporat, rakan-rakan kongsi dan para kakitangan.

Rumah Terbuka berkenaan dihoskan oleh Ketua Pegawai

Eksekutif Gleneagles JPMC, Dr. Peter Tay dan pihak pengurusan Gleneagles JPMC, selaku wakil.

Acara berkenaan diadakan bertujuan bagi

memeriahkan Sambutan Tahun Baharu Cina, selain memperkuuh lagi hubungan pusat kesihatan berkenaan dengan pihak-pihak berkepentingan serta para kakitangannya.

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

ADAKAH PROFIL PSCR 2.0 AWDA LENGKAP DAN TERATUR?

PANDUAN LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

- ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi
Diploma / Ijazah Sarjana Muda / Ijazah Sarjana / PHD atau sebanding (bidang Major atau Minor dimestikan teratur)
- ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah
PMB / GCE 'O' LEVEL / GCE 'A' LEVEL atau sijil / kelulusan sebanding
- ✓ Tamat Persekolahan
bagi pemohon yang menamatkan pelajaran di peringkat menengah sahaja

PANDUAN HUATNAIK DOKUMEN

- ✓ Maklumat Peribadi
Kad Pengenalan / Pasport / Gambar Terkini
- ✓ Maklumat Lesen Memandu
- ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi
Sijil / Transkrip (dimestikan dimuatnaik) / MKPK (jika dari Institusi Swasta / Luar Negeri)
- ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah
- ✓ Tamat Persekolahan
(Sijil berhenti Sekolah)

PANDUAN PENGALAMAN KERJA

- ✓ Pengalaman Kerja Kerajaan
mendakwa "x" pada jawatan sekarang / prestasi 3 tahun kebelakangan / pengesahan profil pegawai kakitangan kerajaan / tempoh kerja yang teratur / tarikh mula dalam tanda gaji / tanda gaji / nama jawatan yang betul
- ✓ Pengalaman Kerja Swasta
- ✓ Pengalaman Kerja Beruniform
- ✓ Pengalaman Bekerja Sendiri
- ✓ Penempatan Kerja
- ✓ Tidak Bekerja

PANDUAN KEMAHIRAN DAN KELAYAKAN PROFESIONAL

- ✓ Kelayakan Profesional
- ✓ Peperiksaan Kesetiausahaan
- ✓ Kemahiran Bahasa
- ✓ Lain-Lain Kemahiran

MAJLIS PENYAMPAIAN LENCANA KEAHLIAN PENGAKAP SEDUNIA

Siaran Akbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Februari. - Majlis Penyampaian Lencana Keahlian Pengakap Sedunia kepada Ahli Pengakap Kelana mempunyai beberapa objektif dan tujuan penting.

Antaranya ialah pengiktirafan pencapaian iaitu memberi tanda yang mereka telah diterima menjadi Ahli Pengakap Sedunia serta pengiktirafan kepada ahli yang telah menunjukkan komitmen dan pencapaian dalam pengakap serta mengiktiraf sumbangan mereka kepada pergerakan pengakap.

Selain itu, ia juga adalah meningkatkan kesedaran tentang nilai dan prinsip pengakap di peringkat global serta pentingnya keahlian dalam organisasi Pengakap Sedunia dan seterusnya memperkuat hubungan antara ahli pengakap di seluruh dunia serta menggalakkan semangat persaudaraan dan kerjasama dalam kalangan ahli.

Seterusnya, memberikan motivasi dan inspirasi dalam mendorong ahli pengakap untuk terus aktif dan terlibat dalam aktiviti pengakap serta memberi inspirasi kepada generasi muda untuk menyertai pergerakan ini dan menekankan kepentingan pembelajaran berterusan dan pembangunan diri melalui pengalaman dalam pengakap serta memupuk kemahiran kepimpinan

dan kerja berpasukan. Melalui majlis ini, diharapkan Ahli Pengakap Kelana dapat merasakan penghargaan dan semangat untuk terus menyumbang kepada masyarakat dan organisasi pengakap secara keseluruhan.

Sepanjang melalui latihan kepimpinan dan kemahiran berpengakap selama 20 minggu, seramai 19 Ahli Pasukan Pengakap Kelana 1102 Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Pengambilan Kali Ke-6 bagi Semester bulan Ogos hingga November 2024 dan Januari 2025 telah dianugerahkan Lencana Keahlian Pengakap Sedunia dan pemakaian skaf pengakap serta epolet Pengakap Kelana.

Di samping itu juga disampaikan Lencana Kemahiran Pengakap Kelana iaitu Lencana Kenegaraan seramai sembilan penerima serta penyampaian lencana dan pemakaian skaf dan Lencana Perutusan Kedamaian kepada seramai 17 penerima serta sijil-sijil penyertaan kegiatan dalam satu istiadat khas kepada ahli-ahlinya bertempat di Auditorium UNISSA, Gadong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dalam Majlis Penyampaian Lencana Keahlian Pengakap Sedunia dan pemakaian skaf pengakap serta epolet Pengakap Kelana kepada seramai 19 Ahli Pengakap Kelana baharu dari



PENGARAH Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Ketua Pesuruhjaya Pengakap, Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) selaku tetamu kehormat majlis berkenaan semasa sesi bergambar ramai.

Pasukan Pengakap Kelana 1102 UNISSA ialah Pengarah Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, UNISSA, Dr. Supri bin Haji Sudin dan Ketua Pesuruhjaya Pengakap, Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD), Awang Haji Junaidi bin Haji Hussin.

Turut hadir, pegawai-pegawai dari Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa UNISSA, Pesuruhjaya Latihan Pengakap Kebangsaan, Awang Zainudin bin Haji Ishak selaku Jurulatih Pengakap Kelana UNISSA, Penyelaras dan Pemimpin Pasukan Pengakap

Kelana UNISSA, Dr. Mohammad Alif bin Haji Sismat dan Pesuruhjaya Antarabangsa, Ritchie bin Siabu selaku Penyelaras Perutusan Kedamaian bagi PPNBD.

Juga hadir, Pesuruhjaya Ibu Pejabat Bahagian Pengakap Perempuan, Dayang Hajah Nor Rahmat binti Sidin, Pemangku Pesuruhjaya Ibu Pejabat Bahagian Pengakap Kelana, Awang Mohammad Najib bin Abdul Hamid dan Pesuruhjaya Pengakap Daerah Brunei dan Muara, Awang Samsuddin bin Haji Ahmad serta Ahli-ahli Pengakap Kelana

UNISSA.

Dengan adanya majlis ini adalah diharapkan dapat melahirkan Ahli-ahli Pengakap Kelana UNISSA yang berkualiti serta memiliki kekuatan mental dan fizikal untuk menempuh segala cabaran serta dibimbing supaya melakukan kerja-kerja amal dan kemasyarakatan agar mereka menjadi insan yang berakhlik mulia dalam melahirkan masyarakat yang harmoni juga merupakan generasi harapan bangsa yang bakal menerusi negara pada masa akan datang.

6 syarikat kena kompaun



ANTARA kesalahan-kesalahan yang didapati semasa Operasi Kemas (OPKEMAS) dijalankan oleh pihak Autoriti Perancang, Jabatan Perancang Bandar dan Desa di Mukim Sengkurong (atas, atas kanan dan bawah kanan).

SENGKURONG, Khamis, 6 Februari. - Enam buah syarikat dikenakan denda kompaun kerana mengendahkan amaran pihak yang berkuasa dan melanggar Peraturan-peraturan Perancangan Bandar dan Desa (Komposisi Kesalahan), 2018 iaitu meletakkan, menggunakan, menghalang, mempamerkan barang-barang di kawasan petak letak kenderaan, kawasan kaki lima dan kawasan landskap yang boleh mengundang bahaya akibat dari keadaan kawasan yang licin serta kotor.

Di samping mengakibatkan pengurangan jumlah petak letak kenderaan, mengganggu pejalan

kaki di kawasan kaki lima, merosakkan kawasan landskap yang sepatutnya dipastikan untuk sentiasa bersih dan cantik, kegiatan seperti ini juga telah menjelaskan nilai estetik dan kecantikan kawasan perniagaan di negara ini.

Kesalahan-kesalahan tersebut dikenakan pasti semasa Operasi Kemas (OPKEMAS) yang dijalankan oleh pihak Autoriti Perancang, Jabatan Perancang Bandar dan Desa selama dua hari di Mukim Sengkurong pada 4 dan 5 Februari 2025.

Untuk makluman orang ramai, denda bagi setiap satu kesalahan adalah sejumlah wang tidak

melebihi BND500. Syarikat-syarikat berkenaan telah diberikan tempoh tujuh hari dari tarikh kompaun dikeluarkan untuk menjelaskan denda-denda tersebut.

Pihak Autoriti Perancang melalui Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Kementerian Pembangunan mengingatkan orang ramai, pemilik-pemilik dan para pengusaha bangunan perniagaan dan perusahaan untuk sama-sama sentiasa mematuhi undang-undang perancangan dan sama-sama bertanggungjawab bagi memastikan keindahan, kebersihan serta keselamatan kawasan perniagaan di negara ini

Siaran Akbar dan Foto : Jabatan Perancang Bandar dan Desa



untuk sentiasa dijaga.

Sebarang pertanyaan lanjut, orang ramai boleh menghubungi +673 8200222.



ePaper Pelita Brunei



SERTAI RAMADHAN NIGHT RUN, 15 MAC INI

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Infografik : Tangkap Layar Instagram Bruneirun

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 7 Februari. – Acara sukan larian yang dinanti-nantikan 'Ramadhan Night Run' kembali lagi pada tahun ini dan dijadualkan berlangsung pada Sabtu, 15 Mac 2025 di Stadium Negara Hassanal Bolkiah (Budiman Walk) bermula jam 9.30 malam.



Dianjurkan oleh Akif Event Management dengan sokongan Persekutuan Olahraga Brunei Darussalam (BDAF), acara larian tersebut mengetengahkan empat kategori iaitu Lelaki Terbuka 10 kilometer (km); Wanita Terbuka 10km; Lelaki Terbuka 5km dan Wanita Terbuka 5km.

Peserta lima teratas yang berjaya menghabiskan larian 10km dan 5km (lelaki dan wanita) akan menerima hadiah wang tunai.

Orang ramai juga berpeluang mengikuti sesi pemanasan badan yang akan diadakan pada Khamis, 13 Mac 2025 pada jam 9.30 malam untuk membiasakan dengan laluan larian.

Terma dan syarat serta penyertaan bagi mengikuti acara ini bolehlah dibuat melalui laman sesawang www.bruneirun.com.

Tarikh tutup penyertaan adalah pada 15 Februari 2025.



Perlawanan Bola Sepak Persahabatan eratkkan lagi silaturahim



SESI bergambar ramai pada Perlawanan Bola Sepak Persahabatan yang berlangsung di Padang Kebajikan Berakas.

Berita dan Foto : Ihsan Brunei Legend 99 FT

BERAKAS, Rabu, 5 Februari. - Brunei Legend 99 FT berjaya menewaskan Paguma FT dengan keputusan 6-5 pada Perlawanan Bola Sepak Persahabatan yang berlangsung di Padang Kebajikan Berakas, baru-baru ini.

Adapun tujuan utama perlawanan ini diadakan adalah untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara kedua-dua pasukan di samping memberi platform kepada pemain untuk

meningkatkan prestasi melalui persaingan yang sihat dan mencabar.

Selain itu, ia juga merupakan ruang untuk memupuk semangat persaingan yang positif dalam arena bola sepak tempatan. Perlawanan seperti ini diharap dapat menjadi pemangkin kepada lebih banyak inisiatif pembangunan sukan yang menyatakan masyarakat setempat.

Tahukah Awda

UNIT Kaunseling Dan Kefahaman Agama(KAFA) mula beroperasi pada 7 Januari 2019 di bawah Pejabat Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU). Unit ini juga dikenali sebagai *Counselling and Religious Understanding Unit*. Antara peranan unit ini ialah sebagai fokal utama KHEU mengenai isu yang berkait dengan kumpulan atau individu yang membawa pemikiran / gagasan ekstrem; serta isu fahaman liberal yang bertentangan dengan amalan masyarakat Brunei serta nilai-nilai ugama Islam.

SUMBER : www.kheu.gov.bn

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

MEMEDULI DAN MENYAYANGI ANAK YATIM TANGGUNGJAWAB BERSAMA